

"ORANG-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dengan harta benda dan jiwa mereka adalah lebih tinggi darjatnya di sisi Allah".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah At-Taubah, ayat 20.

MAJLIS MENGGANGKAT SUMPAAH KABINET BAHARU

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Jun. – Majlis Mengangkat Sumpah Kabinet Baharu Negara Brunei Darussalam bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab negara untuk tempoh empat tahun, berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Majlis dilangsungkan di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Mengangkat Sumpah Kabinet Baharu Negara Brunei Darussalam. - Foto : Mohammad Hasif Matzin.

Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr., kerajaan dan

rakyat Republik Filipina berikutan dengan gempa bumi yang melanda wilayah Mindanao Selatan, Republik Filipina baru-baru ini yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda.

Komited menyokong pasaran minyak global yang stabil, seimbang

Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

BERAKAS, Isnin, 8 Jun. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah telah menghadiri Mesyuarat

Menteri-menteri OPEC dan bukan OPEC Kali Ke-41 (41st ONOMM) yang diadakan secara dalam talian pada 7 Jun 2026.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM,

Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib; dan Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I), Kementerian Kewangan, Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad.

>> Muka 8

Memperluas ilmu pengetahuan, jana pemikiran lebih dinamik

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Jun. - Penganjuran Multaqa Da'ie merupakan salah satu inisiatif Pusat Da'wah Islamiah (PDI),

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dalam menyediakan platform kepada para da'ie untuk memperluas ilmu pengetahuan, menjana pemikiran yang lebih dinamik serta mengambil peluang berkongsi

pengalaman melalui pertemuan dengan tokoh akademik dan ulama dari dalam dan luar negara.

>> Muka 9



Berita Utama



MEMPERKUKUH keselamatan tempat kerja, pemantauan kesihatan, pengurusan alam sekitar

Muka 9



KEPENTINGAN peranan wanita memperkukuhkan institusi keluarga, masyarakat

Muka 12



MENINGKATKAN kesedaran mengenai kepentingan budaya keselamatan makanan

Muka 13



RENCANA e-Resources 2.0 - Transformasi sumber digital pendidikan negara

Muka 21

Majlis Mengangkat Sumpah Kabinet Baharu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah Kabinet Baharu Negara Brunei Darussalam. Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Muteen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri serta Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral
Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Awang Haji
Abas, Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan pembacaan Surat Perintah Lantikan oleh Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji

Razali.

Mula-mula mengangkat sumpah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah sebagai Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan

berperanan sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Tertinggi Wawasan Brunei 2035.

Disusuli dengan mengangkat sumpah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik sebagai

Menteri di JPM dan akan mengekalkan peranannya sebagai Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10	RABU	23	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.46	6.32	7.47
11	KHAMIS	24	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
12	JUMAAT	25	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
13	SABTU	26	4.33	4.43	6.08	6.32	12.21	3.47	6.32	7.48
14	AHAD	27	4.34	4.44	6.08	6.33	12.22	3.47	6.33	7.48
15	ISNIN	28	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49
16	SELASA	29	4.34	4.44	6.09	6.33	12.22	3.48	6.33	7.49

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan 31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar 31 24 °C	31 24 °C	31 24 °C	
Pekan Tutong 32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait 31 25 °C	31 25 °C	33 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

10 JUN 2026

Bersama menjaga, melestarikan alam sekitar

DALAM beberapa tahun kebelakangan ini, isu membabitkan alam sekitar semakin mendapat perhatian apabila kesan perubahan iklim serta pencemaran alam menjadi lebih ketara dan memberi impak pada skala global.

Kesan seperti peningkatan suhu global dan pengurangan kualiti udara ini tidak dapat diambil ringan kerana ia boleh menjejaskan kesihatan terutama bagi anak kecil atau mereka yang mempunyai masalah kesihatan.

Tanggungjawab menjaga alam sekitar ini bukan hanya terletak pada segelintir individu atau organisasi sahaja tetapi juga tanggungjawab setiap manusia yang hidup di bumi ini tanpa mengira peringkat umur atau lapisan masyarakat.

Ini kerana setiap manusia memerlukan sumber alam sekitar setiap hari termasuk udara yang segar, air yang bersih dan tanah yang subur bagi meneruskan kelangsungan hidup untuk hari ini dan juga generasi akan datang. Justeru, usaha menjaga dan melestarikan alam sekitar tersebut perlu dilaksanakan bersama bagi mewujudkan perubahan yang berkekalan dan bermakna.

Tugas menyebarkan kesedaran dan mendidik masyarakat mengenai kepentingan penjagaan alam sekitar seharusnya bermula dari rumah dengan menerapkan amalan mampan dalam kehidupan seharian masing-masing.

Antaranya menjimatkan penggunaan air dan tenaga elektrik, memilih peralatan elektrik cekap tenaga, membawa beg kitar semula semasa membeli belah dan menghindari plastik sekali guna.

Tanggungjawab kita seterusnya adalah menghindari diri daripada membuat kerosakan terhadap alam sekitar termasuk tidak melakukan pembakaran terbuka dan membuang sampah di merata-rata tempat terutama sisa buangan plastik yang boleh mencemarkan sungai atau laut dan memberi kesan buruk kepada hidupan marin serta keseluruhan rantaian makanan.

Amalan-amalan mampan ini membantu memastikan keperluan manusia pada hari ini dipenuhi tanpa menjejaskan keperluan generasi yang akan datang untuk memiliki persekitaran sihat, di mana mereka dapat menikmati air dan udara yang berkualiti.

Persekitaran yang maju, mampan dan bersih seharusnya dijadikan matlamat oleh setiap individu sebagai panduan bagi mereka dalam menjalankan tanggungjawab untuk melindungi dan memelihara alam sekitar.

Dengan menjalani gaya hidup yang mampan seperti mengurangkan penggunaan plastik dan mengelakkan pembaziran, kita memainkan peranan yang penting dalam menjaga hidupan lain di bumi ini. Kita dapat sama-sama berganding bahu mewujudkan persekitaran serta masyarakat yang mampan dan meninggalkan khazanah berharga bagi generasi seterusnya. – **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mendengarkan paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Menteri di JPM dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengangkat sumpah (kiri dan kanan).

>> Muka 2

Seterusnya berkenan mengangkat sumpah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen Hal Negeri kerjayanya dalam bidang Majlis Tertinggi Wawasan kerjasama strategik dan sebagai Menteri Hal Negeri juga akan memainkan peranan aktif dalam Majlis Tertinggi Wawasan 2035 khususnya memacu pertumbuhan ekonomi dan perdagangan negara melalui hubungan diplomatik, dan pelaburan antarabangsa.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman dan Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad (kiri dan kanan).

>> Muka 3

Sejurus itu mengangkat sumpah, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof sebagai Menteri Penyelaras bagi

Keselamatan Negara dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman sebagai Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji

Mohamad sebagai Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam); Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu sebagai Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam

Negeri; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah sebagai Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran).

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang) dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu dan Menteri di JPM (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar (kiri dan kanan).

>> Muka 4

Seterusnya mengangkat sumpah, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah sebagai Menteri Kewangan II dan bertanggungjawab untuk menerajui portfolio pelaburan di

dalam dan luar negara dan mengawasi prestasi syarikat-syarikat berkaitan kerajaan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II; Yang Berhormat Pengiran Dato Seri

Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama; Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sebagai Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji

Abdul Rashid sebagai Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh sebagai Menteri Pendidikan; Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos sebagai Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

>> Muka 6



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani dan Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab (kiri dan kanan).

>> Muka 5

Kemudian diteruskan dengan mengangkat sumpah bagi seramai empat Timbalan Menteri yang didahului oleh Yang Mulia Pengiran Datin

Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani sebagai Timbalan Menteri Kewangan; Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan

Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri; Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak sebagai Timbalan Menteri Pembangunan; dan Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal

sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Juga hadir, Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned; dan Peguam Negara,

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH DYMM berkenan mengurniakan Surat Lantikan kepada Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (kiri dan kanan).



KEBAWAH DYMM dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama barisan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.

منتري ۲ كابينيت نكارا بروني دارالسلام

MENTERI-MENTERI KABINET NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2026 - 2030



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, **PERDANA MENTERI; MENTERI PERTAHANAN; DAN MENTERI KEWANGAN**



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, **MENTERI KANAN DI JABATAN PERDANA MENTERI**



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI**



Yang Berhormat Pehin Datu Lallaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof, **MENTERI PENYELARAS BAGI KESELAMATAN NEGARA; MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI; DAN MENTERI PERTAHANAN II**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, **MENTERI PENYELARAS BAGI DASAR-DASAR EKONOMI; DAN MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, **MENTERI PENYELARAS BAGI DASAR-DASAR SOSIAL DAN TENAGA MANUSIA; DAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (URUSTADBIR PERKHIDMATAN AWAM)**



Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (SEKURITI DAN UNDANG-UNDANG)**



Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah, **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TENAGA, HULUAN DAN HILIRAN)**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, **MENTERI KEWANGAN II**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, **MENTERI HAL EHWAL LUAR NEGERI II**



Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, **MENTERI HAL EHWAL UGAMA**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, **MENTERI KESIHATAN**



Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid, **MENTERI PEMBANGUNAN**



Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romalzah binti Haji Md. Salleh, **MENTERI PENDIDIKAN**



Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus, **MENTERI PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**



Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha, **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

تيمبلان ۲ منتري TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI



Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, **TIMBALAN MENTERI KEWANGAN**



Yang Mulia Dayang Hajah Tutliaty binti Haji Abdul Wahab, **TIMBALAN MENTERI EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**



Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imthihan binti Haji Abdul Razak, **TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN**



Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal, **TIMBALAN MENTERI PENDIDIKAN**

MENGUKUHKAN PERSEFAHAMAN LEGISLATIF, MEMPERLUAS KERJASAMA DUA HALA



■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Jun. – Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib pada pagi tadi telah menerima kunjungan hormat


daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Azerbaijan Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Irfan Shakir Oglu Davudov.

Majlis diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis.

YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara menerima kunjungan hormat daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Azerbaijan Yang Tidak Menetap ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Irfan Shakir Oglu Davudov (kiri dan kanan).

Pada kunjungan berkenaan, kedua-dua belah pihak menekankan hubungan dua hala yang erat antara NBD dan Republik Azerbaijan, termasuk usaha memperkukuh hubungan diplomatik antara MMN dan Milli Majlis Republik Azerbaijan sebagai langkah mengukuhkan persefahaman serta memperluaskan kerjasama legislatif kedua-dua buah negara.

Kedua-dua belah pihak turut bertukar-tukar pandangan mengenai perkembangan landskap geopolitik semasa serta



peluang untuk memperluaskan kerjasama dua hala dalam bidang-bidang utama seperti perdagangan dan sektor minyak dan gas.

Turut hadir pada kunjungan hormat berkenaan, Jurutulis Majlis

Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

Komited menyokong pasaran minyak global yang stabil, seimbang



>> Muka 1

Semasa mesyuarat yang berlangsung, Negara-negara Peserta OPEC dan bukan OPEC telah pun menegaskan komitmen jangka panjang mereka dalam Pengisytiharan Kerjasama (DoC) untuk menyokong pasaran minyak global yang stabil dan seimbang.

Mesyuarat turut menekankan kesinambungan tahap pengeluaran minyak mentah yang sedia ada sehingga akhir tahun 2026 serta memperkukuhkan peranan Jawatankuasa Pemantauan Bersama Menteri (JMMC) dalam pemantauan keadaan pasaran dan tahap pematuhan peserta negara-negara.

Mesyuarat juga telah meluluskan pelan yang dibangunkan oleh Sekretariat OPEC untuk mencapai objektif Piagam Kerjasama (Charter of Cooperation - CoC), yang telah ditandatangani pada 2 Julai 2019.

Mesyuarat seterusnya menekankan kepentingan bagi melengkapkan mekanisme bagi

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri

menilai kapasiti pengeluaran maksimum mampan (Maximum Sustainable Production Capacity - MSC) untuk digunakan sebagai rujukan bagi garis dasar pengeluaran tahun 2027 bagi semua negara-negara peserta DoC.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam mencerminkan sokongan berterusan negara ini terhadap usaha kolaboratif bagi memastikan kestabilan, ketelusan, dan kelestarian jangka panjang dalam pasaran tenaga global.

Negara-negara yang mengambil bahagian dalam DoC juga bersetuju untuk melanjutkan tahap

keseluruhan pengeluaran minyak mentah bagi Negara-negara OPEC dan bukan OPEC seperti yang dipersetujui dalam Mesyuarat Menteri-menteri Ke-35 sehingga 31 Disember 2026.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) (Tenaga, Hulan dan Hiliran) menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri OPEC dan bukan OPEC Kali Ke-41 secara dalam talian baru-baru ini (atas dan kanan).



MEMPERLUAS ILMU PENGETAHUAN, JANA PEMIKIRAN LEBIH DINAMIK



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 1

Selain itu, program ini juga bertujuan meningkatkan keyakinan dan keupayaan para da'ie tempatan agar lebih berdaya saing,



di samping memperkukuhkan kredibiliti Pegawai-pegawai PDI dalam bidang dakwah, khususnya dalam penyampaian ceramah dan pengendalian program-program dakwah.

Sehubungan itu, PDI melalui Bahagian Penyebaran Da'wah, pagi tadi, mengadakan Majlis Multaqa Da'ie Bersama Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail bertempat di Dewan Persidangan, pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Seramai 140 peserta yang terdiri daripada pegawai dan da'ie KHEU serta jabatan-jabatan di bawahnya, di samping pegawai dan da'ie jemputan PDI menyertai multaqa tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Muhamad Abdul Haziq bin Hanafi. Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman.

ANTARA yang hadir pada Multaqa Da'ie.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Acara utama multaqa ialah penyampaian ceramah bertajuk 'Baldatun Thaiyibah dan Kesejahteraan Ummah: Peranan Para Da'ie' oleh penceramah khas, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.

Ceramah tersebut antara lain menengahkan beberapa inti pati penting, antaranya ciri Baldatun Thaiyibah dan ummah yang sejahtera; tiga asas kesejahteraan ummah iaitu Hablum Minallah (hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala), Hablum Minannas (hubungan sesama manusia) dan Hablum Minal 'Alam (hubungan dengan alam sekitar) dan hubungan antara kesejahteraan ummah dengan kebahagiaan serta kesihatan mental.

Selain itu, ceramah antara lain juga menekankan tiga pendekatan dakwah iaitu *bil hal* (melalui tindakan dan turun padang), *bil maqal/bil kitabah* (melalui percakapan dan penulisan) serta *bin naqal* (melalui komunikasi dan penyampaian maklumat); serta persiapan dan adab yang perlu dimiliki oleh para da'ie dalam melaksanakan tugas dakwah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah khas yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan



PENYAMPAIAN ceramah oleh penceramah khas, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.

bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-'Asr.

Penganjuran Multaqa Da'ie ini diharapkan dapat terus menyuntik semangat dan mengukuhkan istiqamah para da'ie dalam usaha menyebarkan syiar Islam, di samping mempertingkatkan kesiapsiagaan mereka dalam mendepani cabaran dakwah kontemporari.

Dengan adanya usaha yang dilaksanakan, diharap akan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta menjadi pemangkin kepada pelaksanaan dakwah yang lebih tersusun, berkesan dan berimpak tinggi selaras dengan keperluan semasa.

Memperkukuh keselamatan tempat kerja, pemantauan kesihatan, pengurusan alam sekitar



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan berlangsung di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuh raya Tungku (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 9 Jun. - Kementerian Kesihatan dan DST Managed Services Sdn. Bhd. (DMS) hari ini mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian bagi penyediaan tenaga kerja Unit Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (Health, Safety and Environment-HSE).

Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan berlangsung di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuh raya Tungku, dengan kehadiran Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar sebagai tetamu kehormat majlis.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Kesihatan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Dayang Hajah Rafidah binti Haji Gharif; dan disaksikan oleh Timbalan

Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff.

Manakala bagi pihak DMS pula, perjanjian ditandatangani oleh Chairman of DMS, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman dan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DMS, Awang Osmali bin Othman.

Kerjasama antara Kementerian Kesihatan dan DMS berkenaan merupakan langkah penting dalam memperkukuh piawaian kesihatan, keselamatan dan alam sekitar.

Melalui kepakaran profesional yang disediakan, kerjasama berkenaan akan membolehkan hospital dan pusat kesihatan meningkatkan lagi protokol keselamatan, menjalankan penilaian risiko secara menyeluruh, serta membudayakan amalan keselamatan.

Usaha bersama berkenaan akan memberi manfaat kepada pesakit, kakitangan, serta masyarakat amnya dengan memastikan pematuhan terhadap keperluan peraturan, mengurangkan risiko dan meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan secara menyeluruh.

Di bawah projek selama tiga tahun, seramai 22 kakitangan DMS kini ditempatkan bagi menyokong Unit HSE, Kementerian Kesihatan.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen Kementerian Kesihatan dalam memperkukuh keselamatan tempat kerja, pemantauan kesihatan serta pengurusan alam sekitar di fasiliti-fasiliti kesihatan seluruh negara.

DMS telah menyokong Kementerian melalui perjanjian satu tambah satu tahun, dengan menempatkan enam kakitangan bagi membantu Unit HSE dalam membangunkan dasar kesihatan, keselamatan dan alam sekitar serta prosedur operasi standard.

Berdasarkan hasil positif berkenaan, perjanjian baharu

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



tersebut mencerminkan keyakinan berterusan terhadap perkhidmatan DMS serta matlamat bersama untuk mewujudkan ekosistem penjagaan kesihatan yang selamat. Turut hadir pada majlis

berkenaan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan bersama-sama Ahli Pasukan Pengurusan Kanan DMS serta pasukan projek berkenaan.



Membasuh Bulu Muka Yang Terkeluar Daripada Had Muka Ketika Berwudhu'

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBASUH muka merupakan salah satu rukun daripada rukun-rukun wudhu' sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu hendak mendirikan sembahyang (sedang kamu berhadats kecil) maka (berwudhu'lah iaitu) basuhlah muka kamu dan kedua-dua tangan kamu hingga ke siku, sapulah sebahagian daripada kepala kamu dan basuhlah kedua-dua kaki kamu hingga ke buku lali.* (Surah al-Ma'idah : 6)

Termasuk dalam kewajipan membasuh muka ketika berwudhu' ialah kewajipan membasuh bulu muka. Menurut as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *l'annah ath-Thalibin*, membasuh bulu muka semasa membasuh muka ketika berwudhu' hukumnya adalah wajib. Bulu muka yang diwajibkan untuk dibasuh itu antaranya :

Al-'idzar (العذار) : Bulu yang tumbuh di permukaan muka yang sejajar dengan bahagian atas telinga hingga bahagian bawah telinga atau bulu yang tumbuh di antara pelipis dan jambang (*al-'aridh*). *Al-'idzar* ini biasa disebut sebagai jambang pendek (*sideburn*).

Al-'aridh (العارض) : Jambang atau bulu yang tumbuh di permukaan muka antara *al-'idzar* (jambang pendek) dan janggut.

Al-khadd (الخد) : Bulu yang tumbuh di permukaan kedua pipi.

Al-lihyah (الليحية) : Janggut atau bulu yang tumbuh di permukaan dagu.

Al-hajib (الحاجب) : Kening atau bulu yang tumbuh di permukaan atas kedua mata.

Al-hudbu (الهدب) : Bulu mata atau bulu yang tumbuh di permukaan kelopak mata.

Asy-syarib (الشارب) : Misai atau bulu yang tumbuh di atas bibir.

As-sibal (السبيل) : Bulu yang tumbuh di tepi hujung misai.

Al-'anfaqah (العنقفة) : Bulu yang tumbuh di bawah bibir.

Terdapat sebilangan orang memiliki bulu muka yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka seperti janggut atau jambang pendek (*sideburn*) atau bulu misai yang tumbuh panjang

sehingga ke paras dada umpamanya. Namun ketika membasuh muka semasa berwudhu', ada kalanya sebilangan mereka hanya membasuh bahagian bulu yang berada dalam had muka sahaja dan dia tidak membasuh bahagian bulu yang berada di luar had muka sama ada secara sengahaja atau secara tidak sengahaja. Sebagai contoh, perempuan yang mengikat bulu mukanya yang panjang seperti *sideburn* bersama rambutnya, lalu apabila dia berwudhu', dia lupa membuka ikatannya sehingga menyebabkan dia tidak membasuh kesemua *sideburn* ketika berwudhu'. Persoalannya, adakah bulu muka yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka itu wajib dibasuh?

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* dan Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*, bulu muka yang tumbuh panjang sehingga keluar daripada had muka adalah wajib dibasuh semasa membasuh muka ketika berwudhu'.

Dari aspek cara membasuh bulu muka yang tumbuh panjang sehingga keluar daripada had muka adalah seperti berikut :

1. Bulu yang tumbuh di muka lelaki.

Jika bulu muka sama ada janggut atau selain janggut yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka lelaki itu nipis, maka wajib bagi orang berwudhu' itu membasuh bahagian zahir dan batin bulu muka yang tumbuh panjang itu keseluruhannya. Sebaliknya, jika bulu muka yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka lelaki itu tebal, maka wajib dia membasuh bahagian zahir sahaja dan tidak wajib dia membasuh bahagian batin bulu muka yang tumbuh panjang itu.

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* berkata :

Ertnya : *Jika (bulu-bulu muka itu) keluar daripada had muka dan ia tebal, (maka) wajib (bagi orang berwudhu' itu) membasuh bahagian zahirnya sahaja sekalipun bulu tersebut jarang tebal, dan jika ia nipis, (maka) wajib (baginya) membasuh zahirnya dan batinnya.*

2. Bulu yang tumbuh di muka perempuan

atau *khuntsa*.

Terdapat perbezaan pendapat antara Imam ar-Ramli dan Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahumallah* dalam cara membasuh bulu muka yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka perempuan dan *khuntsa* ketika berwudhu'.

Menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah*, bulu muka perempuan atau *khuntsa* sama ada janggut atau selain janggut yang nipis dan tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka mereka adalah wajib baginya membasuh bahagian zahir dan batinnya. Manakala jika ia tebal, maka wajib baginya membasuh bahagian zahirnya sahaja iaitu sama seperti cara membasuh bulu yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka bagi lelaki.

Manakala menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pula, cara membasuh bulu muka perempuan atau *khuntsa* sama ada janggut atau selain janggut yang tumbuh panjang sehingga terkeluar daripada had muka ialah wajib baginya membasuh bahagian zahir dan batinnya secara mutlak sama ada bulu muka mereka itu nipis atau tebal. Perkara ini sebagaimana yang disebut dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj* berkenaan membasuh janggut dan jambang yang tumbuh di muka perempuan dan *khuntsa* :

Ertnya : *Dan adapun janggut (dan jambang) khuntsa, maka wajib (bagi khuntsa itu) membasuh bahagian batinnya termasuk (janggut) daripada bahagian luar (had muka) secara mutlak (sama ada nipis atau tebal)... dan begitu juga (janggut dan al-'aridh) perempuan kerana jarang-jarang ditumbuhi janggut padanya apatah lagi untuk ia (tumbuh) tebal.*

Berkenaan bulu muka selain janggut dan jambang yang tumbuh di muka perempuan atau *khuntsa* pula, Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* juga ada menyebut dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*, katanya :

Ertnya : *Dan adakah bahagian luar bulu-bulu selain janggut dan jambang perempuan dan khuntsa juga demikian (hukum membasuhnya), iaitu wajib (baginya) membasuh bahagian batinnya secara mutlak kerana kedua-dua mereka*



IRSYAD HUKUM
 جَانِبَاتِ مَعْنَى كَرَاهِيَةٍ
 جَانِبَاتِ مَعْنَى كَرَاهِيَةٍ
 Jabatan Mufti Kerajaan
 Jabatan Perdana Menteri
 Negara Brunei Darussalam
 Website : www.mufti.gov.bn
 E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

(perempuan dan *khuntsa*) diperintahkan untuk menghilangkannya (bulu muka yang tumbuh panjang) disebabkan perkara itu dianggap jelik, atau kedua-dua mereka sama seperti selain kedua-dua mereka (seperti hukum lelaki)? Dalam masalah ini, semua itu ada kemungkinan (tidak ada hukum yang pasti atau disepakati) dan (pendapat) pertama (wajib basuh zahir dan batin) adalah lebih dekat (*shahih*).

Berdasarkan penjelasan para ulama di atas, jelas bahawa bulu yang tumbuh panjang sehingga keluar daripada had muka bagi lelaki adalah wajib baginya membasuh bahagian zahir dan batinnya jika ia nipis. Manakala jika ia tebal, maka wajib baginya membasuh bahagian zahirnya sahaja.

Adapun bagi perempuan, terdapat perbezaan pendapat di kalangan para ulama dari segi cara membasuh bulu yang tumbuh panjang sehingga keluar daripada had muka sepertimana yang telah dijelaskan di atas. Sebagai langkah berhati-hati dan jalan keluar daripada perbezaan pendapat ulama, bulu yang tumbuh panjang sehingga keluar daripada had muka perempuan hendaklah dia membasuh bahagian zahir dan batinnya sama ada bulu muka mereka itu nipis atau tebal.

Demikian penjelasan mengenai membasuh bulu muka yang terkeluar daripada had muka ketika berwudhu'. Setiap orang Islam hendaklah mengerjakan wudhu' dengan sempurna agar ibadatnya diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAHAN ALLAH

كلولأن قوسية دعوه اسلاميه

"DAN dirikanlah sembahyang dan bayarlah zakat serta rukuklah bersama orang-orang yang rukuk".

(Surah Al-Baqarah, ayat 43)

Sembahyang menjadi tiang kepada agama Islam dan melaluinya, seorang hamba berhubung secara langsung dengan Allah Subhanahu Wata'ala serta menzahirkan ketaatan dan pengabdian kepadanya. Islam bukan sahaja menekankan pelaksanaan sembahyang secara individu, bahkan sangat menggalakkan pelaksanaannya secara berjemaah. Hal ini dapat dilihat melalui perintah Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran agar orang-orang beriman rukuk bersama mereka yang rukuk, yang menunjukkan kepentingan sembahyang berjemaah dalam membina kesatuan dan kekuatan umat Islam.

Hakikatnya, sembahyang berjemaah bukan sekadar ibadah yang dilakukan secara

Keindahan sembahyang berjemaah

bersama, bahkan mempunyai pelbagai keindahan yang jelas mahupun tersirat. Keindahan ini turut diperkuatkan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim daripada Ibnu 'Umar Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang mafhumnya :

"Solat secara berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian sebanyak 27 darjat".

Hadis ini menunjukkan bahawa sembahyang berjemaah mempunyai kelebihan yang besar serta menjadi galakan kepada umat Islam untuk melaksanakannya secara konsisten dan istiqamah. Hal ini bukan bermakna sembahyang secara bersendirian tidak digalakkan, namun perbezaan ganjaran pahala yang begitu besar menunjukkan bahawa sembahyang berjemaah amat dituntut selagi mana seseorang berkemampuan untuk melaksanakannya.

Selain itu, sembahyang berjemaah juga memperlihatkan keindahan kesatuan umat Islam. Ketika para jemaah berdiri dalam satu saf, saling bergandeng bahu tanpa

membezakan pangkat, kekayaan atau status sosial, keadaan ini menunjukkan bahawa Islam menekankan persamaan dan persaudaraan. Di sinilah terjalinnya hubungan yang baik sesama saudara seagama.

Dalam masa yang sama, sembahyang berjemaah turut mengurangkan sifat ego dan kesombongan dalam diri manusia apabila semua makmum mengikuti seorang imam dengan penuh ketaatan dan kerendahan hati. Keadaan ini mendidik umat Islam agar sentiasa bersikap tawaduk serta menyedari bahawa setiap manusia adalah sama di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, solat berjemaah menjadi satu latihan rohani yang membentuk sifat rendah diri dan memperkukuh persaudaraan.

Tambahan lagi, solat berjemaah turut memperlihatkan keindahan disiplin dalam kehidupan seorang Muslim. Hal ini berpunca daripada keperluan setiap makmum untuk mengikuti pergerakan imam bermula dari *takbiratul ihram* sehingga memberi salam. Di sini, umat Islam belajar untuk sentiasa

mematuhi aturan serta menepati waktu sembahyang yang telah ditetapkan. Justeru, sembahyang berjemaah dapat membentuk disiplin dan kepatuhan dalam diri seseorang.

Jika ditelusuri sejarah kehidupan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, Baginda bersama para sahabat Radhiallahuanhum tidak pernah meninggalkan sembahyang fardu secara berjemaah di masjid kecuali dalam keadaan tertentu yang tidak mengizinkan. Keadaan ini menunjukkan betapa pentingnya sembahyang berjemaah dalam kehidupan mereka. Tidak hairanlah ukuwah yang terjalin dalam kalangan para sahabat begitu kuat hasil daripada kelaziman serta disiplin mereka dalam menunaikan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sembahyang berjemaah mencerminkan keindahan ajaran Islam yang menekankan kesatuan, disiplin dan persaudaraan. Pelaksanaannya mendekatkan seorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala di samping membentuk keperibadian yang tawaduk serta saling menghormati antara satu sama lain. Keindahan ini wajar dipelihara agar terus subur dalam kehidupan seharian umat Islam.

ISED 2026 : TERUS MEMPERKUKUH KERJASAMA PENDIDIKAN SERANTAU

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

JERUDONG, Selasa, 9 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD), dengan kerjasama The Education University of Hong Kong (EdUHK), telah mengambil langkah penting ke arah memperkukuh kerjasama pendidikan serantau dengan menghimpunkan para pemimpin pendidikan, penggubal dasar, penyelidik dan pengamal pendidikan dari seluruh rantau ini dalam Simposium Antarabangsa Pembangunan Pendidikan (International Symposium on Educational Development – ISED 2026) bermula pada 9 hingga 10 Jun 2026.

Simposium berkenaan bertujuan untuk mencapai matlamat melalui pembangunan perkongsian strategik baharu, pertukaran ilmu serta inisiatif pembangunan kapasiti yang menyokong inovasi, keterangkuman dan pembangunan pendidikan yang mampan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan simposium berkenaan yang berlangsung di The Empire Brunei ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Turut hadir, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Chen Shaochun serta Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

ISED 2026 mengangkat tema 'Transforming Education for a New Era : Innovation, Inclusion, and Sustainability across the Maritime Silk Road' atau

'Mentransformasikan Pendidikan untuk Era Baharu : Inovasi, Keterangkuman dan Kemampuan Merentasi Lalan Sutra Maritim'.

Tema berkenaan mencerminkan kepentingan yang semakin meningkat terhadap kerjasama pendidikan merentasi wilayah yang saling berhubung melalui aspirasi bersama ke arah pembangunan sosial dan ekonomi.

Berinspirasi semangat Lalan Sutra Maritim sebagai jambatan pertukaran dan kerjasama, simposium berkenaan berusaha memupuk perkongsian yang membolehkan institusi berkongsi kepakaran, menanganikan cabaran pendidikan yang sama serta membangunkan sistem pendidikan yang bersedia menghadapi masa hadapan.

Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa masyarakat di seluruh dunia kini berdepan dengan kemajuan teknologi yang pesat, perubahan keperluan tenaga kerja, ketidakpastian alam sekitar serta perubahan jangkaan terhadap pembelajaran.

Jelasnya lagi, universiti mempunyai tanggungjawab bukan sahaja untuk bertindak balas terhadap perubahan berkenaan tetapi juga membantu membentuknya melalui penjaan ilmu baharu, melahirkan pemimpin masa hadapan serta menyumbang penyelesaian kepada cabaran masyarakat yang kompleks.

"Kita perlu melaksanakan perkara ini bersama-sama, merentasi disiplin, sektor dan sempadan negara bagi memastikan pendidikan terus kekal relevan, inklusif dan transformatif," ujarnya lagi.

Salah satu acara kemuncak ISED 2026 ialah perasmian Pusat Bersama UBD-EdUHK bagi pembangunan dan kemajuan pendidikan dalam kurikulum, pedagogi dan penilaian.

Ditubuhkan menerusi perkongsian strategik antara UBD dan EdUHK, pusat berkenaan akan berfungsi sebagai platform bagi penyelidikan kolaboratif, pembelajaran profesional, inovasi kurikulum, pembangunan kepimpinan pendidikan serta amalan pendidikan berasaskan bukti.

Pusat berkenaan dijangka menyokong inisiatif pembangunan kapasiti, memperkukuh penyelidikan dan inovasi pendidikan, serta memudah cara kerjasama yang lebih erat antara universiti, agensi kerajaan dan pengamal pendidikan di NBD dan juga luar negara.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapan semasa Majlis Perasmian menegaskan komitmen NBD untuk meningkatkan standard pendidikan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa pusat bersama berkenaan secara langsung menyokong usaha Kementerian Pendidikan.

"Dengan meletakkan NBD sebagai hab pendidikan dan pembangunan yang dinamik, kita bukan sahaja memperkukuh hubungan antara NBD dan Hong Kong, malah turut menyumbang kepada kemakmuran seluruh rantau ASEAN," ujar Yang Berhormat lagi.

Simposium berkenaan turut menyaksikan pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) yang melibatkan UBD, EdUHK, Philippine Normal University, National University of



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan Simposium Antarabangsa Pembangunan Pendidikan (International Symposium on Educational Development – ISED 2026).

Laos dan University of Social Sciences and Humanities, Vietnam National University Ho Chi Minh City.

MoU berkenaan bertujuan untuk memperkukuh kerjasama serantau dalam penyelidikan pendidikan, pertukaran akademik, pembangunan profesional dan projek kolaboratif yang menyumbang kepada kemajuan pendidikan di Asia Tenggara dan rantau Asia-Pasifik secara keseluruhannya.

Simposium berkenaan turut menampilkan ucapama oleh Presiden EdUHK, Profesor Chi Kin John Lee, JP; Timbalan Naib Canselor (Pendidikan), UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman; serta Naib Presiden Akademik EdUHK, Profesor May Hung May Cheng.

Para penceramah terkemuka berkenaan membincangkan pelbagai isu berkaitan transformasi

kurikulum, universiti yang bersedia menghadapi masa hadapan, inovasi, keterangkuman dan landskap pendidikan guru yang semakin berkembang.

Selain itu, simposium berkenaan turut menampilkan forum peringkat tinggi dan bengkel profesional yang membincangkan teknologi pendidikan, kepimpinan, keterampilan, kemampanan, pengurusan tingkah laku, penerbitan penyelidikan serta penggunaan pedagogi Kecerdasan Buatan (AI) generatif.

Program berkenaan dirangka untuk merapatkan jurang antara penyelidikan, dasar dan amalan, di samping menggalakkan kerjasama antara pihak berkepentingan daripada institusi pengajian tinggi, sekolah, agensi kerajaan dan organisasi antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut mengenai simposium berkenaan, sila layari laman sesawang www.ised2026.com.

Poni Foundation tayangkan dokumentari 'The Invisible Catch (2026)'

Oleh : Nurdiyana Rajami

Foto : Ihsan Poni Foundation

SALAMBIGAR, Isnin, 8 Jun. - Sebagai sebahagian daripada Minggu Lautan Brunei 2026 (Ocean Week Brunei 2026 - OWB 2026) dan inisiatif Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition - MYCE), sebuah tayangan dokumentari berjudul 'The Invisible Catch (2026)' yang dinanti-nantikan telah berlangsung dengan jayanya di One Cineplex, Pusat Membeli-Belah OneCity.

Dianjurkan oleh Poni Foundation sebagai program penglibatan awam, acara itu menarik kira-kira 500 orang penonton meliputi tiga sesi tayangan khusus yang diadakan sepanjang hari. Ini termasuk tayangan istimewa untuk golongan pelajar, tayangan VIP untuk rakan kongsi dan pihak berkepentingan OWB, dan tayangan awam terbuka kepada masyarakat.

Antara yang hadir semasa sesi tayangan berlangsung ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres; serta wakil dari Kedutaan

Republik Filipina, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), Jabatan Perikanan dan Jabatan Perhutanan.

Acara itu menghimpunkan penggubal dasar, pihak berkepentingan industri, pelajar, penyelidik, pemuliharaan, belia dan orang ramai untuk menghadapi salah satu ancaman paling mendesak yang dihadapi lautan dunia kini iaitu Penangkapan Haram, Tidak Dilaporkan dan Tidak Dikawal (Illegal, Unreported, and Unregulated (IUU) Fishing).

Dokumentari yang diterbitkan oleh Poni Studios dengan kerjasama New Wave Films dan juga ditauliahkan (*commissioned*) oleh Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD, menggunakan penceritaan kuasa visual untuk membawa krisis global yang kompleks kepada kesedaran masyarakat tempatan.

Selepas tayangan itu, penonton terlibat dalam perbincangan panel yang menggugah pemikiran yang dikendalikan oleh Dayang Nuur Aqilah Ali dengan menampilkan barisan pakar yang pelbagai yang membawa kedua-dua perspektif pembikinan filem di belakang tabir dan realiti di lapangan dalam sesi perbincangan termasuk pengaruh filem yang terdiri daripada Harrison Yap dari New Wave Films dan Awang Aziz Idris dari Poni Studios.

Turut menjadi panel perbincangan ialah Siu Tzyy Wei



ANTARA yang hadir menyaksikan tayangan dokumentari berjudul 'The Invisible Catch (2026)' yang berlangsung dengan jayanya di One Cineplex, Pusat Membeli-Belah OneCity.

dari Global Impact and Awareness Alliance (GAIA) dan Terrance Lim dari Stop Fish Bombing (SFB) Malaysia.

Ahli panel telah membincangkan bagaimana penangkapan ikan IUU bukan sahaja isu alam sekitar tetapi juga cabaran ekonomi dan keselamatan yang serius kerana ia melemahkan amalan penangkapan ikan yang bertanggungjawab, mengurangkan populasi ikan, merosakkan ekosistem marin yang rapuh, dan secara langsung mengancam keselamatan makanan dan daya tahan jangka panjang masyarakat pesisir.

Para panel juga menyentuh tentang bagaimana NBD boleh terus memimpin dan menyumbang kepada masa depan maritim yang mampan melalui kerjasama

serantau, penguatkuasaan yang lebih kukuh, dan pendidikan awam.

Acara itu terbukti jauh lebih daripada sekadar tayangan filem, namun ia berfungsi sebagai platform penting untuk dialog dan pembelajaran.

Dengan menghubungkan titik antara dasar, penguatkuasaan dan sumber makanan laut bagi pengguna, 'The Invisible Catch (2026)' berjaya menunjukkan bahawa penangkapan ikan secara haram bukanlah masalah yang jauh, tetapi realiti tempatan.

Tayangan tersebut mencerminkan komitmen Poni Foundation yang lebih luas untuk menggunakan filem, fotografi dan penceritaan lautan sebagai alat untuk menjadikan sains kompleks dan cabaran kemampanan boleh

diakses oleh semua.

Melalui Poni Studios, NGO itu memperjuangkan media visual sebagai tonggak kesedaran pemuliharaan.

Apabila tekanan lautan meningkat, penganjur menekankan bahawa melindungi sumber marin memerlukan tanggungjawab bersama. Penayangan 'The Invisible Catch (2026)' adalah sebahagian daripada siri program OWB yang lebih luas merangkumi pemulihan coral, perintis ekonomi biru dan penglibatan belia.

Semua ini bertujuan untuk mengubah perbincangan menjadi kerjasama praktikal, pekerjaan masa depan dan kesan alam sekitar jangka panjang untuk NBD.

KEPENTINGAN PERANAN WANITA MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA, MASYARAKAT



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Jun. - Contoh keunggulan peribadi serta peranan wanita dalam memperkukuhkan institusi keluarga dan masyarakat antara yang diketengahkan semasa Ceramah Khas bertajuk 'Saiyidatina Khadijah binti Khuwailid: Suri Teladan Wanita Sepanjang Zaman' pada Program Ceramah Khas Wanita sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2026 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah, di sini.

Ceramah Khas tersebut telah disampaikan oleh Profesor Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail, yang juga merupakan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Profesor Pelawat di Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Norazimah binti Haji Ramlee.

Turut hadir ialah Penolong Rektor (Hal Ehwal Akademik) UNISSA, Profesor Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Pemangku Penolong Rektor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNISSA, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim; pegawai-pegawai utama UNISSA; para peserta wanita yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan serta swasta, ahli persatuan bukan kerajaan, Muslimah masjid dari seluruh negara, serta orang ramai.

Program yang bertemakan 'Keluargaku Harapanku' ini bertujuan memperkukuhkan kefahaman mengenai kepentingan institusi keluarga menurut perspektif Islam, di samping meningkatkan kesedaran golongan wanita terhadap peranan dan tanggungjawab mereka dalam membentuk keluarga yang harmoni, sejahtera dan berdaya tahan.

Selain menjadi wadah perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan cabaran kekeluargaan masa kini, program ini turut membincangkan pendekatan penyelesaiannya yang berasaskan ajaran Islam serta memperkukuhkan lagi kerjasama antara institusi pendidikan, pihak masjid dan masyarakat dalam usaha memperkasa pembangunan keluarga.

Melalui penganjuran program ini, para peserta diharap akan dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai kekeluargaan yang berteraskan ajaran Islam, serta terus memainkan peranan aktif dalam membentuk keluarga cemerlang yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara yang harmoni serta sejahtera.

Program Ceramah Khas Wanita sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2026 ini dianjurkan oleh UNISSA melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta Ahli Jawatankuasa Takmir Jame' 'Asr Hassanil Bolkhiah.



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Program Ceramah Khas Wanita sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2026 (atas). Sementara gambar bawah dan kiri, antara yang hadir mendengarkan Ceramah Khas yang disampaikan oleh Profesor Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Profesor Dr. Sharifah Hayaati binti Syed Ismail.



MINDA PEMBACA

Tingkatkan kesedaran pencegahan penyakit buah pinggang

PENYAKIT buah pinggang yang dahulunya sering dikaitkan dengan golongan tertentu seperti warga emas, pesakit diabetes atau mereka yang mempunyai faktor keturunan kini semakin banyak dihadapi oleh masyarakat umum. Perkara ini sememangnya mencetuskan kebimbangan orang ramai kerana penyakit tersebut bukan lagi sesuatu yang asing atau jarang berlaku. Malangnya, masih terdapat segelintir masyarakat yang memandang ringan terhadap bahaya penyakit buah pinggang.

Perubahan gaya hidup masyarakat masa kini yang semakin tidak terkawal menjadi antara faktor utama lonjakan kes penyakit ini. Tanpa

mempertimbangkan kesan terhadap kesihatan, orang ramai sibuk berlumba-lumba mencuba makanan dan minuman yang tular di media sosial. Ada juga yang mengambil ubat-ubatan, produk kecantikan dan suplemen tertentu semata-mata untuk menjaga penampilan luaran tanpa mendapatkan nasihat pakar. Kesibukan mengejar pekerjaan, pencapaian dan komitmen harian turut menyebabkan sesetengah individu mengabaikan keperluan tubuh seperti rehat yang mencukupi, pemakanan sihat dan pengurusan tekanan. Tanpa disedari, tabiat seperti ini boleh menjejaskan fungsi organ dalaman, khususnya buah pinggang.

Kesedaran awal untuk mencegah

penyakit ini amat penting kerana penyakit buah pinggang merupakan ancaman senyap yang biasanya tidak menunjukkan simptom pada peringkat awal. Kebanyakan pesakit hanya menyedari keadaan mereka setelah penyakit berada pada tahap yang kritikal. Oleh itu, kegiatan seperti menyertai kempen kesedaran, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan mengamalkan gaya hidup sihat dalam kehidupan seharian perlu diterapkan dan dijadikan sebahagian daripada budaya hidup masyarakat hari ini. Walaupun langkah-langkah tersebut kelihatan kecil, tindakan sedemikian sebenarnya mampu mengelakkan penyesalan pada masa hadapan.

Ingatlah bahawa tubuh badan merupakan amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Kesihatan sering kali tidak dihargai sehingga seseorang diuji dengan kehilangan nikmat tersebut. Oleh itu, setiap individu hendaklah lebih peka terhadap kesihatan diri dan berusaha mencegah penyakit sebelum terlambat kerana sesungguhnya mencegah lebih baik daripada mengubati.

Nama : Nur Lailatul Fitriah binti Samali
No. K/P : 01-154XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Amalan Membaca, Kunci Kejayaan'. Tarikh Tutup : 10 Jun 2026
2. 'Makanan Segera dan Risiko Terhadap Kesihatan'. Tarikh Tutup : 17 Jun 2026
3. 'Peranan belia dalam pembangunan negara'. Tarikh Tutup : 24 Jun 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENDUKUNG PEMBANGUNAN PERUSAHAAN TEMPATAN



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir menyempurnakan majlis pelancaran semula UBD Startup Centre@Entrepreneurship Village, majlis tersebut telah dihadiri oleh lebih 50 orang jemputan yang terdiri daripada rakan industri, ahli akademik, usahawan serta warga UBD (atas dan atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul Izzzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 8 Jun. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) secara rasmi melancarkan semula UBD Startup Centre@Entrepreneurship Village (USC@EV), sebuah hab inkubasi yang didedikasikan untuk memupuk bakat keusahawanan, menyokong pertumbuhan syarikat pemula serta memperkukuhkan budaya inovasi dalam kalangan warga universiti dan ekosistem keusahawanan negara.

Direka sebagai platform yang mudah diakses dan berpatutan, USC@EV menyediakan kemudahan, program

serta persekitaran kolaboratif bagi membantu pelajar, alumni, penyelidik, kakitangan dan usahawan muda mengembangkan idea mereka menjadi perusahaan yang berdaya maju.

Majlis pelancaran semula tersebut disempurnakan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dan dihadiri lebih 50 orang jemputan yang terdiri daripada rakan industri, ahli akademik, usahawan serta warga UBD.

Pelancaran semula ini menandakan USC@EV sebagai ruang khusus bagi keusahawanan dan inovasi, sekali gus

mengukuhkan kedudukan UBD sebagai institusi peneraju dalam inkubasi syarikat pemula dan pembangunan perusahaan di Brunei Darussalam.

Pusat tersebut dijangka berperanan sebagai platform keusahawanan kebangsaan yang memperkukuhkan kerjasama antara UBD dan pihak industri melalui peluang kolaborasi, bimbingan serta pelaburan.

Pada masa yang sama, ia menyediakan saluran yang mudah diakses dan berpatutan kepada warga UBD untuk membangun dan mengembangkan perusahaan serta projek keusahawanan mereka.

Menurut Pengarah Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (IEED), Dr. Annie Dayani binti Haji Ahad Abdullah, USC@EV dihasrat menjadi ruang yang menghubungkan kreativiti dengan pengkomersialan, kecemerlangan akademik dengan realiti pasaran, serta menyediakan sokongan yang diperlukan oleh generasi baharu usahawan Brunei untuk berjaya.

USC@EV beroperasi berasaskan empat teras strategik utama, iaitu sebagai landasan pelancaran bagi pengasas syarikat pemula kali pertama, pusat pengkomersialan penyelidikan, hab inovasi berterusan serta saluran bagi syarikat *spin-off* yang lahir daripada UBD.

Kesemua teras ini bertujuan merapatkan jurang antara ilmu akademik dan dunia perusahaan sebenar.

Dengan penekanan terhadap pencapaian hasil yang nyata, USC@EV menyasarkan untuk



mempercepatkan pembangunan syarikat pemula peringkat awal, memperkukuhkan kerjasama dengan industri serta membudayakan semangat keusahawanan yang melangkaui kampus universiti.

Selain itu, pusat ini juga berhasrat membantu penyelidikan dan idea berpotensi yang dihasilkan di UBD untuk berkembang menjadi syarikat bebas yang mampu mewujudkan peluang pekerjaan di negara ini.

Acara tersebut dianjurkan oleh Unit Pengkomersialan di bawah Pejabat Penolong Naib Canselor bagi Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan (OAVC-IEED).

Majlis turut menyaksikan upacara pemotongan reben oleh Naib Canselor UBD sebagai simbolik pembukaan semula pusat

berkenaan, diikuti lawatan ke kemudahan yang disediakan serta sesi rangkaian yang menampilkan pameran usahawan pelajar dan projek syarikat pemula.

USC@EV dijangka meningkatkan keterlihatan inisiatif keusahawanan UBD dalam kalangan pihak industri dan kerajaan, menarik lebih banyak penyertaan syarikat pemula pelajar serta mengukuhkan sokongan jangka panjang terhadap pusat tersebut.

Melalui peluang kerjasama, bimbingan dan pelaburan bersama sektor swasta, pusat ini turut berperanan menggalakkan pelajar, kakitangan dan usahawan muda di Brunei Darussalam untuk meneroka bidang keusahawanan sebagai laluan kerjaya yang berdaya maju, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.

Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan budaya keselamatan makanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Jun. - Ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan dalam sama-sama membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, Jabatan Penerangan menerusi Unit Hubungan Masyarakat, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Bahagian Komunikasi Strategik dengan kerjasama Brunei Darussalam Food Authority (BDFA) telah mengadakan Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) bagi sektor makanan dan minuman yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai 51 peserta yang terdiri daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat-syarikat swasta dan institusi-institusi pendidikan tinggi dalam sektor makanan dan minuman di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari BDFA dan Jabatan Penerangan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dikepalai oleh Pembantu Pegawai Luar Penerangan, Awang Haji Mahmud Hafidzie bin Haji

Awang Mashod dan diteruskan ucapan alu-aluan oleh Ketua Unit Hubungan Masyarakat, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar dalam ucapannya antara lain menyentuh mengenai PMB merupakan inisiatif jabatan dalam memberikan peluang kepada masyarakat untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih lanjut mengenai usaha-usaha pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan dalam sama-sama membangun NBD ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

Jelasnya lagi, PMB kali ini memberi fokus kepada aspek keselamatan makanan selaras dengan Sambutan International Food Safety Day 2026, bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan budaya keselamatan makanan yang melibatkan semua pihak.

Tambahnya, ilmu, pengalaman dan pendedahan yang diperoleh melalui program berkenaan diharap dapat dimanfaatkan dan dikongsi bersama masyarakat bagi melahirkan individu yang bermaklumat, bertanggungjawab serta peka terhadap isu-isu semasa yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara.

Selaras dengan tujuan program, iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan taraf hidup,



PEMANGKU Ketua Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Haji Abdul Hakim hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Program Masyarakat Bermaklumat bagi sektor makanan dan minuman (atas). Manakala gambar kanan, para peserta terdiri daripada Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan institusi-institusi pendidikan tinggi dalam sektor makanan dan minuman di Negara Brunei Darussalam.

pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan,



program berkenaan telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat

dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.


**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 008 / 2026

Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery
Of Auxiliary Spare Parts
For GTG18 At SHOASSKW
Power Station Lumut

Tarikh Tutup:
23 Jun 2026
Selasa,
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913

Kelayakan:
Syarikat-Syarikat yang berdaftar
dengan Registry of
Companies and Business Names
Division (ROCBN)

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang
lanjut boleh diperolehi di Kaunter
Unit Tawaran dan
Sebut Harga,
Tingkat Empat (4),
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri.


**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Tajuk Tawaran:
JPT / TAW / 01 / 2026 - 2027
Pemeliharaan Saliran Ladang
Bagi Kawasan Kemajuan
Pertanian Di Daerah Brunei Muara
Zon 'B' Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa, 14 Julai 2026
Tidak lewat jam 2.00 petang


**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Makluman Sebut Harga
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD)
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan**

Bilangan Sebut Harga:
KKBS / OBBD / F-003
(05-2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kontrak Penggal (1) Tahun
(2026-2027) Bagi Penyediaan
Dan Penyajian Makan / Minum
(Catering) Untuk Pegawai dan
Kakitangan Yang Mengikuti
Pelbagai Program Outward Bound
Brunei Darussalam (OBBD),
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup:
Khamis,
25 Jun 2026


**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Jawatan Kosong Sebagai

**Ketua Kampung Tingkat I
PMKK.3
(BND2,270 - BND4,240)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat II
PMKK.2
(BND1,990 - BND2,970)**

Atau

**Ketua Kampung Tingkat III
PMKK.1
(BND1,280 - BND2,270)**

bagi

Daerah Tutong

1. Kampung Merimbun, Mukim Rambai
2. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 2, Mukim Telisai
3. Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang Kawasan 4, Mukim Telisai
4. Kampung Bukit Sulang, Menengah dan Panchong, Mukim Lamunin
5. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos, Mukim Keriam

Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapi pencalonan bagi mengisi jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

**Tatacara Menghadapkan
Borang Pencalonan:**

**Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut:-
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal
Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada
**Selasa,
30 Jun 2026
jam 4.00 petang.**

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian 4222491 sambungan 110 / 111 atau alamat e-mel kepada imk.jdt@tutong.gov.bn


NOTIS
**REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE
DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG LUGU**

RUJUKAN: KPN/DIL/RFP (02/2026)

**BAYARAN YURAN TAWARAN/PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online:
BND2,000 (Tidak dikembalikan)**

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapi RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar emel kepada alamat emel: hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

1. Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (Seksyen 16 dan Seksyen 17)/Form X
 2. Alamat penuh syarikat
 3. Alamat e-mel syarikat yang aktif
 4. No. handfon syarikat yang aktif
- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 10 Jun 2026 (Rabu)**
 - Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **20 Julai 2026 (Isnin)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **2.30 – 3.30 petang**
 - Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program *Government Land Lease (GLL)* melalui alamat email: eoi.dil@mod.gov.bn
 - Tarikh RFP **tutup: 15 September 2026 (Selasa) Jam: 2.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Peti Kotak Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN THE DEVELOPMENT AND LAND AT RPN KAMPUNG LUGU**

Dokumen RFP yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.


**KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH /
ASET / 03 / 2026-2027

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Installation, Testing And
Commissioning Of Free-Standing
Electric Vehicle (EV) Charging
Stations With Integrated Payment
System For Ministry Of Primary
Resources And Tourism

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
2 Julai 2026,
Khamis
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah
Secara Dalam Talian





**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation
And Configuration Of Digital
Indoor Clock At Terminal Building
Brunei International Airport
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH-03

**Tarikh Iklan/Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
10 Jun 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 Jun 2026,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 Jun 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)



**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran
JDBM / QSTOR / 003 / 2026**
Membekalkan Poncho
(Baju Hujan) Sempena Majlis
Keberangkatan KDYMM Beramah
Mesra Bersama Rakyat Bertempat
Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali
Saifuddien, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

**Bilangan dan Tajuk Tawaran
JDBM / QSTOR / 004 / 2026**
Membekalkan Batang Bendera
Sempena Majlis Keberangkatan
KDYMM Beramah Mesra Bersama
Rakyat Bertempat Taman Haji Sir
Muda Omar 'Ali Saifuddien,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KEMAJUAN
PERUMAHAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan dan Nama Projek:
JKP / 08 / 2026
Five Years Term Contract For
Supply, Delivery, Installation And
Maintenance Of Photocopy
Machines And Associated
Supplies For Housing
Development Department

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 23 Jun 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang

Tempat Tutup:
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Bawah,
Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
[Yuran E-Dokumen & Lukisan]



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 10

Tajuk Tawaran:
Event Management Services
For Community – Based
Tourism Workshop In
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
25 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

**Tawaran Tapak Bagi
Menjalankan Perusahaan
Agrimakanan Di Kawasan
Kemajuan Pertanian (KKP)
Sinaut, Daerah Tutong**

Bilangan:
02 / 2026

Keterangan Tapak:
Banglo Kelas F (PWD 435)
Kawasan Kemajuan Pertanian
(KKP) Sinaut
Daerah Tutong

Syarat:
Perusahaan Tanaman,
Agrimakanan dan
Agripelancongan

Tempoh Iklan:
4 minggu

Tarikh Mula Iklan:
Isnin,
18 Mei 2026

Tarikh Berakhir Iklan:
Sabtu,
13 Jun 2026

Tarikh Akhir Menghantar:
Sabtu,
11 Julai 2026
Sebelum Jam 3.00 Petang

Harga Penjualan Borang:
BND1.00 / borang



**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
13 / BBS / SH / 2026 - 2027

Keterangan Projek:
Supply, Delivery And Installation
Of Solar Flood Light At
Gerai Tudung Saji,
Jalan Setia Diraja, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan Negara
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Non Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Jun 2026



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS /
J01 / 2026 - 2027

Membekal, Menyediakan
Dan Mengemas Jamuan
Bagi Majlis Penghargaan
Pelajar-Pelajar
Cemerlang

Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1447H / 2027M

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Zulhijah 1447H /
10 Jun 2026M



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 30 / 26-27
Supply and Delivery of Lighting
Console for Outside Broadcast

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 31 / 26-27
Supply and Delivery of Wireless
Monitoring System kit for
OB Facilities

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu,
10 Jun 2026,
Jam 2.00 Petang



**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 41 / 26 - 27
Supply Of Food Packs Meal For
Committee Staff Members For
23rd Asean Senior Officials
Meeting Responsible For
Information (SOMRI),
23-25 June 2026,
Bandar Seri Begawan

**Yuran Sebut Harga
(Termasuk E-Dokumen):**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Salinan Kertas
(Hardcopy):**
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
10 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 42 / 26 – 27
Penyewaan Skrin
Led Rancangan
"Sayembara Bermukun
Purih Berunai 2026"

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas/ (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Jun 2026
2.00 Petang




**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**
Tawaran No. 01

To Supply and Installation of Tires for Fire Trucks BG 4985 (F1) Department of Civil Aviation AME / 2026 – 2027 / SH-24 (kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 02

Term Contract For Maintenance Main UPS Power System For One (1) Year At Terminal Brunei International Airport AME / 2026 – 2027 / SH-25 (kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan/Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
10 Jun 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
23 Jun 2026,
Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
24 Jun 2026, Rabu


**JABATAN
PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPM / PT / 4 / 2026 – 2028
Membekalkan Pakaian Seragam Pemandu-Pemandu Jabatan Perdana Menteri

Tarikh Tutup Tawaran :
1 Julai 2026
Jam 12.00 Tengah Hari


**JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

**AUD / BPK / UE / Q&T /
2026-2027 / 08**

**Existing, Installing,
Commissioning And Testing
PABX System At Jabatan Audit,
Bangunan Bahirah,
Jalan Dewan Majlis,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

Perkara:

**UCM630A Grand Stream IP PBX
4FXO, 4 FXS, 1000 users, 150
concurrent calls, CDR, IVR,
Voicemail, Email Notification,
Call Queue, Voice Recording
Function, UCMRC, GS Wave On
Mobile App & Desktop
Softphone -**

Kuantiti:

1

*Sunway SMG1000-D32S 32 FXS
@ 5 nos

Perkara:

**GWN7803P Enterprise Layer 2 +
Managed PoE Network switch,
24 x GigE, 4 x SFP**

Kuantiti:

1

Perkara:

**GRP2624 4+4 lines. Gigabit,
WIFI/BT, Color screen, works with
GBX20 c/w Power Adapter -
Operator level IP Phone**

Kuantiti:

1

Perkara:

**4. Installation, Testing &
Commissioning charges**

Kuantiti:

1

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam
3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam
2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM /
11 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Di Bangunan
Kementerian Kewangan,
Commonwealth Drive, Untuk
Tempoh Dua (2) Tahun (2026)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
'Health Check For Voice
Communication, Backup Voice
Communication, And Voice
Recording Systems For The Air
Traffic Services Centre Of Civil
Aviation'
ATELS / 2026 / LTK-02

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Isnin,
29 Jun 2026

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026
Selasa



**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa,
30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 12 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Sistem
Hawa Dingin Di Rumah-Rumah
F22, F23, F23A, F25, F29, F30
dan F31, Assarra

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 13 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian Bagi


**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDB / BKPD / SH / 09 / 2026

Tajuk Tawaran:
Pembaikan Kerosakan Grating
Dan Penambahan Sokongan
Beban Besi Grating Longkang Di
Kawasan Letak Kereta Bangunan
Jabatan Daerah Belait

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
30 Jun 2026
(Selasa)



Sistem 'DX Package Unit' dan
'Ducting' Di Rumah-Rumah A, B
dan C, Assarra

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
16 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
Selasa, 30 Jun 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 14 /
2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Peralatan Hawa Dingin Di
Muzium Alat Kebesaran Diraja,
Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2026 – 2027 / 08

Tajuk Tawaran:
Brunei Coffee Trail 2026
In Kota Kinabalu,
4th – 6th September 2026
At Sabah International Expo

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 Julai 2026
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 /
LSAU / TD / TA / 01
Penyewaan Alat Kelengkapan
Sound System, Lighting & LED
Screen Bagi Majlis Santap
Sempena Ulang Tahun Hari
Keputeraan Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
Ke-80 Tahun

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi
pembelian Borang Tawaran
adalah seminggu
sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
**Selasa,
16 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
23 Jun 2026
2.00 Petang



Bilangan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 /
LSAU / TD / TA / 02
Penyewaan Alat Kelengkapan
Bagi Majlis Santap Sempena
Ulang Tahun Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
Ke-80 Tahun

Yuran Tawaran:

BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggusebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu
**Selasa,
16 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
23 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Bilangan dan Tajuk Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 /
ITAU / TA / GSU / 001 [JPPK /
LTN / 01 / 2026]
Proposed New K9 Office
Building & Clinic Building At
GSU Sungai Akar Camp

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:

Lima Belas
(15 Bulan)

Yuran Tawaran:

BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum
tarikh tutup tawaran,
iaitu
**Isnin,
19 Jun 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
30 Jun 2026
2.00 Petang



Rujukan Tawaran:

MINDEF / DFA / FY2026 / NAU /
AF / TA / 1002
Pembelian Cargo Net And Internal
Net Bagi Kegunaan Tentera Udara
Diraja Brunei

Yuran Tawaran:

BND 50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu **Selasa,
7 Julai 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
21 Julai 2026
Sebelum 2.00 Petang



BIRO MENCEGAH RASUAH

Bilangan dan Tajuk Tawaran

BMR / SH / 08 / 2026 / 2027
Quote For Supply And
Installation Of Fire Alarm
System For Block B Building,
Anti-Corruption Bureau.

Tarikh

Tutup Tawaran:
Selasa,
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



Selasa,
23 Jun 2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang,
Selasa,
30 Jun 2026

Bilangan:

JKR / DOR / BBA 25 / 2026

Nama Projek:

Pemasangan Sistem
Keselamatan Penggera
Di Jambatan Sultan Haji
Omar 'Ali Saifuddin
(SHOAS).

Yuran Tawaran:

BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Sebut Harga:

(33) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:

Troubleshoot And Servicing
Works For 70kva Standby
Generator (Genset)
Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:

(34) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:

Supply, Replace And Install
New Digital Type Of Controller
For 70kva Standby Generator
(Genset) Bangunan Tambahan
Jabatan Penerangan.

Bilangan

Sebut Harga:

(35) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk

Sebut Harga:

Dismantle Defected SPD,
Supply And Install New Unit For
Essential DB C/W All
Necessary Accessories
With Testing.

Bilangan

Sebut Harga:

(36) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:

Servicing Lima (5)
Kenderaan Jabatan
Penerangan.

Yuran:

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:

Khamis,
11 Jun 2026
Jam 8.00 Pagi



**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:

PPN / ASSET / BUUMM /
CONTRACT / 2026 / 5 / 2
Provision Of Security Guard
Services For Law Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa, 16 Jun 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

08 / JUNE / 2026 / KKBS /
PJK / 16.91

Four (4) Months Term
Maintenance Works For Gate
Barrier At Ministry Of Culture,
Youth And Sport's Building

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Khamis,
18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam:
Companies Registered
With ROCBN (MOFE)
In ICT Field**

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
3 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang,





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 104 / 2026 / SSBH

Keterangan:
The Provision Of Laundry Services For Ward And Clinic At Suri Seri Begawan (SSB) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 105 / 2026 / UPP

Keterangan:
The Provision Of Laundry Services For The Main Block (Including Emergency And Radiology Department) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 106 / 2026 / UPP

Keterangan:
The Provision Of Laundry Services For The Women And Children Centre At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 107 / 2026 / UPP

Keterangan:
The Provision Of Laundry Services For Operating Theatres (Main Block And Women And Children Centre) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 108 / 2026 / DSS (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Supplies To Microbiology Laboratory, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 109 / 2026 / ESTETRIPASH (TC)

Keterangan:
Term Contract For Waterproofing Works At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For



A Period Of Three (3) Years
Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

Kelas: II dan ke atas
Kategori: B01, KA01 dan KPB02

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 110 / 2026 / ESTETRIPASH (TC)

Keterangan:
Term Contract For Building Maintenance Works At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Three (3) Years

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan atau Kementerian Kesihatan

Kelas: III dan ke atas
Kategori: B01 dan KA01

Yuran Tawaran:
BND 50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 114 / 2026 / ESTETMOH

Keterangan:
Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Refrigerant Air-Conditioning And Ventilation Exhaust For Brunei Muara District Services, Health Centres And Clinics For A Period Of One (1) Year

Kelayakan Pemborong / Pembekal:
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kesihatan

Kelas: III dan ke atas
Kategori: M01 and E01/E02

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 115 / 2026 / JPR (TC)

Keterangan:
Transportation Services For Dialysis Centre In All Districts, Department Of Renal Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 116 / 2026 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 117 / 2026 / HTD

Keterangan:
Cybersecurity Readiness And Risk Assessment For Bru-Hims And Bruhealth, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 118 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of

Reclining Dialysis Chair For Department Of Renal Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 119 / 2026 / UPP (TC)

Keterangan:
The Supply, Delivery And Maintenance Of Hearing Aids For Audiology Services, Department Of Otorhinolaryngology (Orl), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 120 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Haematology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 121 / 2026 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Two (2) Units Of Clinical Microscopes For Pathology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 122 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Bedside Pulse Oximeter Monitor, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 123 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing, And Commissioning Of Dual User Grossing Station For Histology Lab, Department Of Laboratory Services Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 124 / 2026 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Elisa Testing Reagent Kits, Accessories, Consumables With Equipment Rental For National Immunology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
16 Jun 2026
Jam 2.00 Petang.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
Open

Kategori:
KPB11A & KPB11B Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa, 23 Jun 2026

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 08 / STE / 2026-T / II

Nama Projek:
Projek Menaiktaraf Dan Pengukuhan Struktur Helipad Pada Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 7 Julai 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan Sebut Harga:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 06 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Appointment Of An Agency For Conducting, Monitoring, And Managing Mystery Shopper System Under The Nationwide Mesra Campaign

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
18 Jun 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar

Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II Sahaja)

Kategori:
[KA01 & P02 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
9 Jun 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Jun 2026

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 002 / 2024

Nama Projek:
36 Bulan Kontrak Penggal Bagi Penyediaan Tenaga Mahir Bagi Menjalankan Penyelenggaraan TOC Analyzer Termasuk Pemasangan Analyzer Tambahan Bagi Loji Rawatan Air Bukit Barun Dan Layong, Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 004 / 2024

Nama Projek:
36 Bulan Kontrak Penggal Bagi Penyediaan Tenaga Mahir Bagi Menjalankan Penyelenggaraan Analyzer Kualiti Air Bagi Stesen Pemantauan Kualiti Air Sungai Mau Dan Sungai Badas, Jabatan Perkhidmatan Air, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



INTEGRASIKAN TEKNOLOGI AI DALAM AMALAN TADBIR URUS, PENGURUSAN HARIAN

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

TUNGKU LINK, Isnin, 8 Jun. - Global Awareness & Impact Alliance (GAIA), dengan sokongan Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam,

baru-baru ini mengadakan Persidangan Dialog Setengah Hari bertajuk 'Turning Data into Decision' di bawah projek induk yang lebih luas, iaitu 'Beyond the



PERSIDANGAN Dialog Setengah Hari bertajuk 'Turning Data into Decision' di bawah projek induk yang lebih luas, iaitu 'Beyond the Screen : Strengthening and Safeguarding Brunei's Digital Future'.

Screen: Strengthening and Safeguarding Brunei's Digital Future' bertempat di Dewan Kuliah, Mutiara Exchange, di sini.

Persidangan Dialog Setengah Hari itu bertujuan untuk memudah cara dialog yang bermakna dalam kalangan pihak berkepentingan utama kerajaan mengenai peluang, cabaran dan aplikasi praktikal dalam mengintegrasikan teknologi serta alat berasaskan Kecerdasan Buatan (AI) ke dalam amalan tadbir urus dan pengurusan harian.

Persidangan berkenaan berusaha meningkatkan kesedaran tentang bagaimana penyelesaian digital dapat

memperkukuh keupayaan pembuat dasar untuk mengguna pakai AI dan teknologi digital baharu yang lain secara selamat bagi menambah baik sistem organisasi.

Antara yang dibincangkan termasuk potensi AI dalam meningkatkan kecekapan dan memperkukuh kesiapsiagaan dalam tadbir urus, di samping menyentuh aspek seperti memperkemas operasi kerajaan, menambah baik pengurusan maklumat, serta memperkukuh pemantauan pelaksanaan dasar.

Beberapa orang penceramah jemputan dari Australia dan agensi

tempatan Brunei telah membentangkan kertas kerja masing-masing, mengenai peluang, cabaran dan aplikasi praktikal AI serta teknologi digital dalam tadbir urus dan pengurusan organisasi.

Persidangan ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan pakar dan pengamal terkemuka melalui perbincangan yang bermakna mengenai penggunaan alat berasaskan AI secara bertanggungjawab dan berkesan dalam penggubalan dasar, operasi kerajaan, pengurusan maklumat dan pelaksanaan dasar.

Lawatan memperkasa inisiatif pembangunan komuniti



ROMBONGAN Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri yang diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri semasa lawatan sambil belajar ke Kampung Punang, Lawas, Sarawak.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Rancangan Perumahan Negara Mentiri

LAWAS, SARAWAK, Isnin, 8 Jun. - Seramai 31 Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Biro Wanita Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Mentiri menimba ilmu serta melihat sendiri kejayaan perusahaan komuniti yang berasaskan produk tempatan pada lawatan sambil belajar ke Kampung Punang, Lawas, Sarawak.

Lawatan memberi tumpuan khusus kepada proses pembuatan serta pemrosesan Salai Tamban (Tahai) yang menjadi salah satu produk tradisional yang terkenal dan menjadi sumber pendapatan utama bagi sebahagian penduduk Kampung Punang melalui Perusahaan Mikro dan Kecil.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi.

Para peserta berpeluang menyaksikan sendiri penghasilan Tahai, bermula daripada pemilihan ikan, proses penyalainan,

pemrosesan, sehinggalah kepada pembungkusan dan pemasaran produk.

Menurut ketua rombongan, lawatan berkenaan akan membuka ruang kepada Ahli MPK dan Biro Wanita untuk menimba pengetahuan baharu dan memberi inspirasi dalam mengenal pasti peluang untuk meningkatkan ekonomi.

Di samping aspek pembangunan ekonomi, lawatan tersebut juga menjadi platform bagi mengukuhkan hubungan silaturahim, semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan Ahli MPK, Biro Wanita serta penduduk kampung yang terlibat.

"Kita berharap pengalaman dan pengetahuan yang diperolehi melalui lawatan ini akan dapat dimanfaatkan untuk memperkasa inisiatif pembangunan komuniti, sekali gus menyumbang kepada peningkatan sosioekonomi penduduk di Kawasan 2 RPN Kampung Mentiri pada masa hadapan," ujarnya.

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Kek Kastad 3 Lapis Kampung Belimbing, Subok

BAHAN-BAHAN :

135gram gula halus
125gram tepung gandum
114gram mentega (cair)
460ml susu (penuh krim)
Esen vanila
4 biji telur

CARA MEMBUATNYA :

Panaskan oven terlebih dahulu dengan suhu 160°C. Pisahkan kuning telur dari putih telur. Kemudian aduk rata kuning telur bersama gula halus sehingga warna

kepuatan. Tambahkan mentega (cair) dan esen vanila secukupnya atau sesuai selera, aduk sehati.

Masukkan tepung dan aduk sehati. Kemudian tuang susu penuh krim ke dalam adunan secara bertahap. Tuang 1/3 dan aduk rata. Akhir sekali tuang 1/3 dan aduk (jangan terlebih aduk) dan biarkan. Di mangkuk lain, pukul putih telur sampai jadi meringue.

Kemudian, tambahkan

meringue tadi ke dalam adunan tadi sehingga sehati. (Tip : Jangan diadun menggunakan mixer, gunakan spatula dengan kaedah folding).

Dengan menggunakan loyang 8x8 dan kertas minyak (baking paper), sapukan mentega ke atasnya. Lalu tuang adunan kek tadi ke dalam loyang. Kemudian masukkan ke dalam oven yang telah dipanaskan tadi. Masak dengan suhu 160°C selama 50 - 60 minit.

PUISI

Kepada Diri dan Kaumku Seugama Nabi Ibrahim Arkitek Jagat?

Dengan kehendak Allah
Nabi Ibrahim
adalah layak
untuk dinobatkan
sebagai ARKITEK JAGAT
kerana apa?
Kerana jasanya
kepada dunia
dalam perkara
menegakkan
"Syari'at Qurban".
Menurut Nabi kita maksudnya:
"Tiada satu amalan
pada Hari Raya Qurban
yang lebih disukai
oleh Allah, kecuali
menumpahkan darah
(menyembelih qurban).
Sesungguhnya
binatang qurban itu
akan datang pada Hari Kiamat
bersama-sama tanduk,
bulu dan kukunya,
sedang Allah pula
akan mengurniakan pahala
(qurban itu)
sebelum lagi
darah qurban
jatuh ke bumi".
Demikian itu
hebatnya
syari'at qurban.

Nabi Ibrahim
bukan sahaja
menjadi punca
wujudnya syari'at qurban,
bahkan juga
baginda adalah pengasas
bumi aman lagi subur,
yang mampu
untuk dinikmati
bukan sahaja
oleh Makkah semata-mata
bahkan juga
oleh seluruh dunia.
Bagaimana
dapat kita katakan
demikian itu,
sedang sejarah asal Makkah
memang ia
bumi tandus
bumi kering kontang
dan tidak aman?
Memang perkara ini benar,
tetapi Nabi Ibrahim
telah mengambil inisiatif
membangunkan negeri ini
sehingga
menjadi
sebuah negeri
yang aman
+ makmur
+ subur.
Sekali lagi
bagaimanakah
Nabi Ibrahim membangun?
Sedang pada masa itu
belum lagi berbangkit
orang membangun
dengan sains
dengan teknologi,
jadi bagaimana
dan dengan apa
Nabi Ibrahim membangun?
Jawabnya:
Baginda membangun
cuma dengan do'a
cuma dengan munajat
kepada Allah,
supaya
menjadikan Makkah
bumi yang aman,
yang subur
lagi makmur.
Do'a baginda itu
sila baca

ayat 126, tafsirnya:
"Dan (seyugia diingat)
apabila Nabi Ibrahim berdo'a
dengan berkata:
"Wahai Tuhanku!
Jadikanlah Negeri
(Makkah) ini,
Negeri yang aman
dan juga
berikanlah
kepada penghuninya
pelbagai jenis buah-buahan
(dan begitu juga)
kepada siapa saja
yang beriman kepada Allah
dan Hari Akhirat".
Maka Allah pun
memperkenankan
bumi Makkah
benar-benar aman,
dan bukan sahaja aman
bahkan subur
lagi makmur
sehingga mampu
untuk menjadi
pengeluar buah-buahan,
khasnya buah kurma
pelbagai jenis
dan juga
paling menonjol ialah
selaku
pengeluar terbesar
"Minyak Dunia".

Dari segi
membangun negeri
dengan do'a,
Brunei Darussalam juga
ada mirip seperti Makkah.
Jika Makkah
dibangun dengan do'a,
maka Brunei juga
kita bangun
dan bahkan
kita tanai
dengan do'a
dengan zikir
dengan Al-Qur'an.
Lalu dengan itu
tersingkaplah
rahasia besar
rahasia ketuhanan
tentang do'a,
bahawa do'a
adalah mampu
untuk mengubah keadaan:
Dari bumi tandus
kepada subur,
dari negeri kacau
kepada aman,
dan bahkan
do'a juga
mampu menolak bala
apa sahaja jenis bala.
Ini semua
namanya
adalah nikmat belaka
yang bersebab
daripada do'a.
Seyugia diingat
bahawa Allah
menyuruh kita
untuk
menyebut-nyebut nikmatNya
seperti tafsir firmanNya:
"Terhadap nikmat Tuhanmu
hendaklah engkau
menyebut-nyebutnya
sebagai tanda bersyukur"
(Lihat Surah Adh-Dhuha
ayat 11).
Maka di sini,
sangatlah wajar
untuk kita
menyebut-nyebut
nikmat Allah
kepada Brunei,

bahawa Brunei
kita dapati
sentiasa mendapat
nikmat selamat
nikmat aman
nikmat makmur,
mengapa?
Kerana Brunei
telah ditakdirkan
menjadi Negara Zikir
sedang kepala zikir
ialah Al-Qur'an,
dan Brunei
adalah selama-lama
tidak pernah sunyi
daripada Al-Qur'an
bahkan
sentiasa makmur dan meriah
dengan Al-Qur'an,
maka impaknya
Brunei pun selamat
serta teguh berdaulat.
Ya, inilah Brunei,
sila perhatikan
kerana Brunei kita tanai
dengan do'a
dengan zikir
dengan Al-Qur'an,
maka berlakulah
apa yang patut berlaku.
Kalau di tempat lain
berlaku banjir besar
yang memusnahkan harta benda,
alhamdulillah di Brunei
tidak berlaku yang demikian itu.
Kalau di tempat lain
berlaku ribut taufan
atau puting beliung
yang meragut nyawa
dan memusnahkan kediaman,
alhamdulillah di Brunei
tidak berlaku yang demikian itu.
Kalau di tempat lain
berlaku Tsunami
atau tanah susur
yang menelan mangsa sekian ramai,
alhamdulillah di Brunei
tidak berlaku yang demikian itu.
Kalau di tempat lain
digegarkan oleh
gempa-gempa bumi,
alhamdulillah di Brunei
tidak berlaku yang demikian itu.
Ini semua
bukankah ia nikmat
kepada Brunei?
Ya, nikmat,
tidak diragukan lagi
adalah nikmat.
Mari kita
beralih pula melihat
iaitu apabila
pandemik COVID-19
menyerang dunia,
Brunei kita
sekali-kali
TIDAK PANIK,
tetapi sebaliknya
cepat bertindak
mengadakan rancangan
mendepani wabak,
dengan apa?
Dengan do'a
dengan zikir
dengan Al-Qur'an.
Semua ini,
selain kita baca
di masjid-masjid
di surau-surau
dan di rumah-rumah,
ia juga
kita jadikan
siaran tetap
di Radio dan Televisyen,
hatta setelah
COVID-19 berakhir
pada Mei 2023,
rancangan ini
masih sahaja
terus kekal
tidak padam-padam
sampai ke hari ini.
Ya, inilah Brunei.
Akhir madah
boleh tunjukkan

mana sebuah negeri
atau negara
di dunia ini
yang seperti Brunei
dalam perkara
mendepani wabak
dengan do'a
dengan zikir
dengan Al-Qur'an?
Rasa-rasanya
hanya Brunei sahaja
satu-satunya.
Wahai Brunei!
Bertahanlah
dengan sikapmu
menjulung ugama,
nantilah kelak
Allah mengasihimu
serta rahmatNya juga
memayungimu.

Sedikit mengenai Al-Qur'an:
Adapun Al-Qur'an
ia adalah penyelamat,
selain
penyelamat di dunia
ia juga
penyelamat di akhirat
dan meliputi
penyelamat
di alam barzakh.
Alam barzakh
namanya juga alam kubur,
iaitu rumah gelap gelita
rumah dagang
rumah sempit
rumah ular
rumah cacing
rumah kala jengking
rumah lipan
rumah semut
rumah ulat.
Mana penyelamat di sini
(di dalam kubur)?
Sukar untuk dibayangkan
melainkan cuma harapan
yang pernah disebut
oleh riwayat
sebagai syafa'at berpunca:
Dari amal kebajikan
dari do'a anak yang salih
dari ilmu yang bermanfaat
dan dari Al-Qur'an.
Satu contoh
Al-Qur'an jadi penyelamat
di alam kubur
ialah sebuah Hadits
riwayat Al-Bazzar,
maksudnya:
"Apabila seorang pembaca Al-Qur'an
meninggal dunia
dan keluarganya sedang sibuk
menguruskan kafan
dan pengebumian, maka
seorang yang sangat tampan
lagi kacak
akan muncul berdiri
di sebelah kepala mayat.
Apabila mayat dikafankan,
orang kacak itu
akan mengambil tempat
di antara dada mayat
dan kain kafan.
Apabila mayat
selesai dikebumikan
dan orang ramai pulang,
maka datanglah
dua Malaikat Munkar dan Nakir
untuk menyoal mayat,
tetapi sebelum itu,
Malaikat terlebih dahulu
mencuba
untuk memisahkan orang kacak
daripada mayat,
tetapi orang kacak berkata:



e-Resources 2.0 - Transformasi sumber digital pendidikan negara

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Siti Rokiah Abdullah
Ilustrasi : Amdelah Haji Tujoh

A NUGERAH Inovasi Perdana (AIP) merupakan kesinambungan kepada usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan pentadbiran awam di negara ini melalui penaiktarafan dan penggabungan antara Anugerah Cemerlang Perkhidmatan Awam (ACPA) dan Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC). Anugerah ini

husus untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan bagi kementerian dan jabatan kerajaan secara berkumpulan dan perseorangan yang berhasil melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan (inovasi) dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Buat julung kalinya sejak penaiktarafan dan penggabungan tersebut dilaksanakan, Anugerah Emas AIP berjaya dianugerahkan pada tahun 2025 setelah sebelum ini tiada peserta yang layak menerimanya. Anugerah tersebut dianugerahkan kepada Kumpulan Nextgen EdTech Team dari Pusat Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan menerusi projek bertajuk 'e-Resources 2.0 : Transformasi Sumber Digital Pendidikan di Brunei Darussalam'.

e-Resources 2.0

e-Resources 2.0 merupakan inisiatif penambahbaikan oleh Kementerian Pendidikan yang menyatukan dua inisiatif utama sedia ada iaitu MOE TV dan Digital Resource Management System (DRMS) ke dalam satu platform pembelajaran digital yang lebih bersepadu, interaktif dan mesra pengguna. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi transformasi digital pendidikan negara di bawah Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan 2023 - 2027.

Melalui e-Resources 2.0, guru dan pelajar akan dapat mengakses pelbagai kandungan pendidikan seperti video pembelajaran, bahan interaktif, sumber kurikulum digital dan media pendidikan dalam satu ekosistem

yang lebih tersusun dan mudah dicapai.

Inovasi pendidikan digital

Sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuhkan inovasi pendidikan digital, inisiatif ini turut memperkenalkan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pembangunan sumber pendidikan, termasuk penghasilan video, imej dan kandungan pembelajaran digital secara lebih kreatif, pantas dan efisien.

Di samping itu, elemen AI juga akan diintegrasikan dalam platform bagi mewujudkan pengalaman pembelajaran yang lebih adaptif mengikut keperluan serta tahap pembelajaran pelajar. Pendekatan ini diharap dapat membantu memperkasa pedagogi digital guru, meningkatkan keterlibatan pelajar serta menyokong pembelajaran abad ke-21 yang lebih dinamik dan inklusif.

Melalui inisiatif tersebut, Kementerian Pendidikan terus komited dalam melahirkan generasi yang celik digital, berkemahiran masa hadapan dan bersedia menyokong aspirasi negara ke arah sebuah Smart Nation.

Penguasaan digital

Sementara itu pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada Mac lalu di Dewan Persidangan MMN, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh ada menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah meletakkan penguasaan teknologi digital sebagai salah satu keutamaan dalam Pelan Strategik 2023 hingga 2027, khususnya di bawah Matlamat 1 untuk memupuk

pelajar yang siap siaga menghadapi masa hadapan. Yang Berhormat Menteri berkata pencapaian terkini pelajar dalam bidang tersebut tidak lagi dinilai secara berasingan, sebaliknya diintegrasikan secara merentas kurikulum melalui Digital Literacy Standards yang telah diserapkan ke dalam sukatan pelajaran peringkat rendah dan menengah. Jelas Yang Berhormat lagi, pelajar juga didedahkan kepada Rangka Kerja Digital Citizenship yang diterajui oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum, bertujuan memastikan pelajar bukan sahaja mahir menggunakan peranti, tetapi juga mempunyai etika dalam talian dan kesedaran mengenai keselamatan siber.

Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa penilaian penguasaan teknologi digital di peringkat sekolah rendah dan menengah dilaksanakan melalui beberapa platform dan instrumen.

"Antaranya ialah Analitiks Platform Digital, iaitu keberkesanan inisiatif digital dipantau melalui trafik penggunaan platform DRMS dan MOE TV. Setakat Februari 2026, platform DRMS telah merekodkan sebanyak 29,900 lawatan dengan 213 bahan digital dimuat naik, merangkumi pelbagai peringkat pendidikan.

Penganugerahan Anugerah Emas yang dimenangi oleh Kumpulan Nextgen EdTech Team melalui projek 'e-Resources 2.0 : Transformasi Sumber Digital Pendidikan di Brunei Darussalam' secara tidak langsung membuktikan komitmen Kementerian Pendidikan dalam memacu transformasi digital pendidikan melalui inovasi yang bersepadu. Adalah diharapkan inovasi seumpama ini akan dapat meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di samping mengukuhkan literasi digital serta melahirkan lebih ramai lagi generasi berkemahiran di negara ini.



2 WARGA ASING DITAHAN ATAS KESALAHAN IMIGRESEN



BAHAGIAN Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Kakas 60 / 2026 yang menyasarkan kantin jualan di Mukim Gadong 'B' (atas dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, (JIPK) ingin menyampaikan peringatan kepada orang ramai dan Pendaftaran Kebangsaan terutama kepada para majikan



**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan
Pendaftaran Kebangsaan**

untuk memastikan pas-pas pekerja adalah sentiasa sah (*valid*) dan memastikan pekerja masing-masing bekerja mengikut jawatan yang dibenarkan dan tertera di dalam pasport.

Peringatan ini adalah disampaikan berikutan dengan operasi penguatkuasa yang telah dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, Bandar Seri Begawan semasa Operasi Kakas 60 / 2026 yang menyasarkan kantin jualan di Mukim Gadong 'B'.

Sebanyak 13 warga asing diperiksa dan dua orang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Seorang warga asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan. Manakala seorang lagi warga asing dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 kerana bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport dan gagal untuk mengemukakan dokumen yang sah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bab 55(4)(a)(b)(c), Akta Imigresen, Penggal 17.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah JIPK, sila hubungi talian Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

PUISI

Kepada Diri dan Kaumku Seugama Nabi Ibrahim Arkitek Jagat?


>> Muka 20

"Tidak! Dia (mayat) ini adalah sahabat saya. Saya tidak akan meninggalkannya keseorangan dalam apa pun keadaan, jika kamu hendak menyoalnya, maka jalankanlah tugas kamu, namun saya tidak akan meninggalkannya sehingga saya membawanya ke syurga. Kemudian orang kacak berpaling kepada mayat dan berkata: "Wahai mayat! SAYALAH AL-QUR'AN, yang kadang-kadang kamu baca dengan suara nyaring dan kadang-kadang dengan perlahan. Janganlah kamu bimbang selepas soal-jawab dengan Munkar dan Nakir, kamu tidak akan lagi mengalami sebarang kebimbangan". Demikian gambaran betapa hebatnya Al-Qur'an, ia berhujah di hadapan Munkar dan Nakir membela pembacanya mempertahankan pembacanya. ALLAHU AKBAR! Hendaknya perkara ini akan sentiasa menyuntik jiwa kita.

**ADI RUMI,
Rumah Hidayah,
Brunei Darussalam.
31.5.2026.**

Operasi Usai pastikan Akta Pekerja dipatuhi majikan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh



TUTONG, Isnin, 8 Jun. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Usai 142/2026 di kawasan Daerah Tutong pada 4 Jun 2026, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kilang pembungkusan dan memproses makanan mentah telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta

Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja tempatan dan asing, iaitu Bab 10, pekerja tidak disediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis; Bab 39(1), majikan gagal membayar gaji pekerja tepat pada masa yang melebihi masa tujuh hari dari tempoh gaji yang kena dibayar; Bab 39(2), majikan tidak membayar kerja lebih masa; Bab 44, membuat pemotongan gaji yang bertentangan dengan Akta



OPERASI Usai 142/2026 yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh di kawasan Daerah Tutong telah mendapati sebanyak lima kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan terhadap beberapa pekerja tempatan dan asing (atas dan kiri).

Pekerjaan Penggal 278; dan Bab 64, berkerja pada hari rehat.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278 dan jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan.

Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada

majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis yang ditandatangani oleh majikan dan pekerja; majikan hendaklah membayar gaji pekerja tepat pada masa, iaitu tidak lewat dari tujuh hari daripada gaji kena dibayar; majikan hendaklah membayar gaji kerja lebih masa jika pekerja bekerja melebihi lapan jam sehari

atau bekerja melebihi 44 jam dalam seminggu; majikan hendaklah membuat pemotongan gaji yang selaras dengan kehendak undang-undang, dan bekerja pada hari rehat hendaklah dibayar ganda atau diganti cuti pada hari lain.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

OPENAI FAILKAN PERMOHONAN SECARA SULIT BAGI POTENSI PENYENARAIAAN DI PASARAN SAHAM



SAN JOSE (CALIFORNIA), 9 Jun. - OpenAI, syarikat pengeluar ChatGPT, menjadi syarikat teknologi terbaharu di Amerika Syarikat yang bergerak ke arah potensi penyenaiaan besar di pasaran saham, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).
Syarikat itu pada Isnin memfailkan secara sulit bagi tawaran awam permulaan (IPO), melengkapkan kelompok tiga penyenaiaan mega yang dijangka

melibatkan firma teknologi utama. Seperti pesaingnya, Anthropic, butiran pemfailan itu masih dirahsiakan buat masa ini. OpenAI turut menegaskan bahawa penyenaiaan itu mungkin masih mengambil masa kerana terdapat kelebihan perniagaan jika syarikat kekal sebagai entiti persendirian.
Syarikat angkasa milik Elon Musk, SpaceX dijangka membuat penampilan sulung di pasaran saham seawal Jumaat, dengan

sasaran penilaian hampir USD1.8 trilion sejak permulaan. Dengan hasil dijangka sekitar USD75 bilion, ia bakal menjadi IPO terbesar dalam sejarah. Penilaian yang disasarkan itu dilihat luar biasa tinggi memandangkan SpaceX menjana pendapatan kurang daripada USD19 bilion tahun lepas dan mengalami kerugian. Bagaimanapun, syarikat itu menekankan potensi pertumbuhan masa depan.

Anthropic baru-baru ini menyelesaikan pusingan pendanaan yang menilai syarikat itu pada USD900 bilion, manakala OpenAI dinilai sedikit lebih rendah dalam pusingan pendanaan terbaharunya.
Syarikat pengeluar ChatGPT itu mempunyai rancangan bercita-cita tinggi untuk melabur ratusan bilion dolar dalam pusat data, dan hasil

daripada IPO berpotensi membantu membiayai rancangan berkenaan.
Namun, seperti syarikat lain dalam sektor itu, masih terdapat keraguan besar sama ada jumlah pelaburan besar dalam infrastruktur AI itu akhirnya dapat dipulangkan.
Penyenaiaan AI yang dijangka itu juga bakal menguji minat pelabur untuk terus menyokong sektor berkenaan. - ©BERNAMA

Ombak besar, ribut landa ibu negara New Zealand

WELLINGTON, 9 Jun. - Ombak setinggi 11 meter dan angin kencang membadai ibu negara New Zealand pada Selasa, lapor Xinhua.
Penduduk di sepanjang pantai selatan Wellington diarahkan berpindah dan situasi itu menjejaskan perkhidmatan pengangkutan.
Pihak berkuasa mengarahkan penduduk meninggalkan kawasan pantai di Teluk Owhiro, Island Bay, Houghton Bay dan Breaker Bay, memberi amaran bahawa perkhidmatan kecemasan tidak akan bertindak balas di zon berkenaan.
Ratusan penduduk mematuhi arahan apabila keadaan semakin teruk.
Menurut Pejabat Pengurusan

Kecemasan Wilayah Wellington, ombak mabadai jalan pantai, manakala tiupan angin hampir 100 kilometer sejam (km/j) direkodkan di Lapangan Terbang Wellington.
Di wilayah Wairarapa, angin mencecah kelajuan 137 km/j berserta ombak besar.
Penerbangan masuk dan keluar dari Wellington terganggu, dengan beberapa pembatalan dilaporkan dan sebuah pesawat kecil dilayangkan angin.
Perkhidmatan feri Selat Cook yang dikendalikan oleh Interislander dan Bluebridge juga digantung.
MetService berkata ketinggianpurata ombak adalah sekitar enam meter namun puncak ombak mencecah ketinggian hampir dua kali

ganda.
Cuaca buruk dijangka berterusan hingga tengah hari Selasa sebelum reda lewat hari itu, sementara arahan pemindahan kekal hingga pagi Rabu.
Penutupan jalan raya dikuatkuasakan di sepanjang sebahagian besar pantai selatan dan pihak berkuasa menggesa orang ramai menjauhi kawasan pantai yang terdedah.
Pegawai berkata pukulan ombak dalam tempoh yang lama itu boleh menyebabkan kerosakan pantai yang ketara, lebih teruk daripada kesan yang dilihat semasa ribut pada 2020 dengan ombak setinggi 5.5 meter yang menyebabkan pemindahan besar-besaran. - ©BERNAMA

Sekurang-kurangnya 7 maut dalam kejadian tanah runtuh di Guinea

CONAKRY, 9 Jun. - Sekurang-kurangnya tujuh orang terkorban, beberapa lagi masih hilang dan ramai lagi cedera selepas kejadian tanah runtuh pada Ahad di Wilayah Siguiiri, timur laut Guinea, lapor Xinhua memetik media tempatan.
Kejadian itu berlaku di sebuah tapak perlombongan emas kecil-kecilan yang sering dikunjungi individu yang mencari logam berharga, menurut Guineenews.
Operasi mencari dan menyelamatkan sedang dijalankan ketika pihak berkuasa berusaha mengesan mangsa yang dipercayai masih terperangkap di bawah timbunan runtuhan. - ©BERNAMA

Penjana tenaga hijau di Medan Minyak Tarim cecah 1.1 bilion kWj

BEIJING, 8 Jun. - Medan Minyak Tarim di wilayah Xinjiang, Republik Rakyat China menjana lebih 1.1 bilion kilowatt jam (kWj) elektrik menerusi tenaga suria sejak awal tahun ini.
Pada masa ini, Medan Minyak Tarim memiliki lima kompleks loji janakuasa fotovoltaik dengan jumlah kapasiti keseluruhan 2.6 juta kilowatt (kW).
Dengan operasi projek fotovoltaik sedia ada yang berjalan selamat dan stabil, Medan Minyak Tarim kini mempercepat pembinaan beberapa projek baharu.
Antaranya termasuk projek fotovoltaik (PV) Ruoqiang berkapasiti satu juta kW yang sedang dibina di kawasan padang pasir dan Gurun Gobi di selatan Ruoqiang, Xinjiang.
Di tapak pembinaan seluas lebih 1,700 hektar itu, penggunaan robot pintar membantu meningkatkan kecekapan pembinaan.
Pengurus Jabatan Tenaga Baharu Medan Minyak Tarim PetroChina, Liang Yulei berkata projek Ruoqiang merupakan projek fotovoltaik berkapasiti 100 juta kW kedua yang dibangunkan oleh Medan Minyak Tarim.
Menurut beliau, projek itu telah memasuki fasa pemasangan panel fotovoltaik secara besar-besaran dan dijadual siap serta disambungkan ke grid tenaga pada akhir November tahun ini.
Selepas mula beroperasi, projek itu dijangka mampu menjana 1.61 bilion kWj tenaga elektrik setiap tahun. - ©BERNAMA

Phivolcs gesa penduduk kekal dipindahkan selepas gempa bumi magnitud 7.8 di Sarangani, Republik Filipina

MANILA, 8 Jun. - Penduduk di kawasan yang terjejas akibat gempa bumi bermagnitud 7.8 di Sarangani pada Isnin perlu bersiap sedia menghadapi gegaran susulan dan kekal dipindahkan sehingga amaran tsunami ditarik balik, kata ketua Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs), lapor Agensi Berita Filipina (PNA).
"Orang ramai perlu menjauhi bangunan yang rosak dan memeriksa jika terdapat rekahan," kata Pengarah Phivolcs, Teresito Bacolcol dalam satu temu bual bersama Agensi Berita Filipina (PNA).
Beliau turut menasihati orang awam supaya mematuhi arahan

pejabat pengurangan risiko dan pengurusan bencana tempatan.
Gempa bumi yang berpunca daripada Cotabato Trench itu telah menjejaskan banyak kawasan di Mindanao.
Phivolcs sebelum ini mengeluarkan amaran tsunami dan menasihati penduduk di kawasan pantai Sarangani, Davao Occidental, Tawi-Tawi, Sulu, Basilan, Zamboanga del Sur, Zamboanga Sibugay, Sultan Kudarat dan Cotabato Selatan supaya segera berpindah ke kawasan lebih tinggi atau bergerak lebih jauh ke pedalaman.
"Gelombang tsunami pertama dijangka tiba antara 7.37 pagi hingga 9.37 pagi dan mungkin

berterusan selama beberapa jam," menurut nasihat yang dikeluarkan Phivolcs.
"Terus berada di kawasan selamat sehingga kami menarik balik amaran tsunami," kata Bacolcol.
Beliau berkata berdasarkan prosedur operasi standard Phivolcs, amaran tsunami akan ditarik balik dua jam selepas ketibaan tsunami terakhir yang dijangka.
Sementara itu, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Filipina (CAAP) mengumumkan pengantungan sementara operasi di Lapangan Terbang General Santos susulan gempa bumi di Sarangani. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana gegar Republik Rakyat Bangladesh, tiada kemalangan jiwa dilaporkan

DHAKA, 8 Jun. - Gempa bumi berukuran 5.6 pada skala Richter menggegarkan beberapa kawasan di Republik Rakyat Bangladesh termasuk ibu negara Dhaka, pada malam Ahad, mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk, lapor Xinhua.
Ahli meteorologi Jabatan Meteorologi Republik Rakyat Bangladesh, Farzana Sultana memberitahu Xinhua bahawa gempa berlaku pada 11.36 malam waktu tempatan, dengan pusat gempa dikesan di Bhutan, kira-kira 432 kilometer ke utara Pusat Seismik Agargaon di Dhaka.
Penduduk di beberapa kawasan di Republik Rakyat Bangladesh, termasuk Dhaka menggunakan media sosial untuk melaporkan gegaran yang dirasakan.
Pegawai perkhidmatan bomba di Dhaka berkata setakat ini, mereka belum menerima sebarang laporan mengenai kerosakan atau kemalangan jiwa. - ©BERNAMA

Republik Indonesia tarik balik amaran tsunami

JAKARTA, 8 Jun. - Badan Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik (BMKG) Indonesia pada Isnin menarik balik amaran tsunami, beberapa jam selepas mengarahkan pemindahan penduduk di kawasan pantai utara negara itu yang berdepan ancaman ombak tsunami susulan gempa bumi kuat di Republik

Filipina.
Dalam satu kenyataan, BMKG memaklumkan status amaran tsunami ditamatkan selepas pemerhatian menunjukkan keadaan paras laut telah kembali normal, lapor Xinhua.
Pada pagi Isnin, ombak tsunami kecil dikesan di beberapa stesen pemantauan pantai di utara

Republik Indonesia, tambah agensi itu.
Gempa bumi bermagnitud 7.8 di selatan Republik Filipina mencetuskan panik dalam kalangan penduduk di beberapa kawasan pantai di timur laut Republik Indonesia, menurut media tempatan pada Isnin. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



MEMPERKUKUH HUBUNGAN KERJASAMA DALAM MEMBANGUN, MEMAJUKAN BOLA SEPAK

■ Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

LAWAS, SARAWAK, Isnin, 8 Jun. - Timbalan Premier Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan menyambut baik usaha memperkukuh hubungan kerjasama Yakin Football League (YFL) dan Pertubuhan Bola Sepak Lawas FA dalam sama-sama membangun dan memajukan bola sepak wilayah utara Sarawak khususnya di Kepulauan Borneo.

Menteri Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan serta Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar II Sarawak menzahirkan perkara berkenaan semasa mengalu-alukan delegasi dari YFL yang mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Berhormat di sebuah hotel di Lawas, Sarawak baru-baru ini.

Delegasi berkenaan diketuai oleh Pengerusi YFL, Pengiran Zamri bin

Pengiran Haji Bujang yang disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Haji Muhd. Jeffrey dan Pengurus Am YFL, Awangku Mohd. Adam Zikry bin Pengiran Zamri.

Pertemuan berkenaan diiringi oleh Presiden Pertubuhan Bola Sepak Lawas, Madun Nasip; Naib Presiden I, Haji Abd. Kadir Haji Bayan dan Naib Presiden II, Haji Latif Haji Damit.

Terdahulu itu, YFL dan Lawas FA telah memeterai Memorandum Persefahaman sebagai usaha kedua-dua belah pihak untuk memperkasa dan memperkukuh hubungan dalam bidang pembangunan bola sepak dan penganjuran kejohanan bersama di samping mengadakan program-program pembangunan belia serta aktiviti pembangunan komuniti melalui sukan.



DELEGASI berkenaan diketuai oleh Pengerusi Yakin Football League (YFL), Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang yang disertai oleh Ketua Pegawai Eksekutif YFL, Dayang Hernah Nur Imani binti Haji Muhd. Jeffrey dan Pengurus Am YFL, Awangku Mohd. Adam Zikry bin Pengiran Zamri.

Skuad bola sepak negara akur tewas kepada Timor-Leste



PASUKAN Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sekali lagi terpaksa menerima kekalahan setelah tewas kepada Pasukan Timor-Leste dalam perlawanan timbal balik kedua yang berlangsung di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, Malaysia (kiri dan kanan).

CHERAS, KUALA LUMPUR, Selasa, 9 Jun. - Setelah ketinggalan 0 - 3 jaringan agregat pada perlawanan timbal balik pertama yang berlangsung minggu lalu di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam sekali lagi terpaksa menerima kekalahan kepada Pasukan Timor-Leste dalam perlawanan timbal balik kedua yang berlangsung petang tadi bertempat di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras, Malaysia.

Dalam saingan kelayakan

playoff Piala Hyundai ASEAN 2026 itu, menyaksikan kedua-dua pasukan bermain dengan penuh berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kecuaihan dilakukan pada permulaan permainan ditambah dengan keadaan cuaca hujan deras yang turun sejurus permainan dimulakan.

Walau bagaimanapun, pada minit ke-13 perlawanan berlangsung, Timor-Leste nyaris saja berjaya menjanginkan gol sulung namun gagal menembusi gawang pasukan skuad kebangsaan negara.

Beberapa minit setelah itu,

sekali lagi Pasukan Timor-Leste hampir berjaya menembusi gawang pasukan negara namun ketangkasan Muhammad Haimie bin Abdullah Nyaring selaku penjaga gawang dan barisan pertahanan negara berjaya menghadang percubaan tersebut.

Tiga minit baki perlawanan separuh masa pertama perlawanan berakhir, ketua pasukan skuad kebangsaan negara, Azwan Ali Rahman yang menyangur jersi nombor 7 berjaya meledakkan gol penuh bergaya dari luar petak penalti sekali gus

■ Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan, Tangkap Layar RTBG0

memberikan gol pertama buat pasukan negara yang ternyata menggemamkan penjaga gawang dan barisan pertahanan pasukan lawan.

Pada babak kedua perlawanan pula menyaksikan Pasukan Timor-Leste bermain lebih agresif sehingga berjaya membolosi gawang pasukan negara pada minit ke-55 menerusi Zion Cruz sekali gus menjadikan keputusan agregat kepada 4-1 menyebelahi Timor-Leste.

Selang 7 minit setelah itu, sekali

lagi Timor-Leste berjaya mengggandakan gol pada menerusi pemain yang menyangur jersi nombor 8, Osorio. Pada minit ke-80, Timor-Leste meledakkan lagi jaringan ketiga mereka menerusi jaringan yang dilakukan oleh Oatnasio yang menyangur jersi nombor 23 sekali gus menjadikan kedudukan agregat kepada 6-1 menyebelahi Timor-Leste yang kekal sehinggalah pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat perlawanan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SETIAP MANUSIA ADALAH SAMA DI SISI ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA